

# **SIAPA SELEPAS MUSA ?**

**S.H.ALATTAS**

**PAK BELALANG MODEN**

**CETAKAN PERTAMA, Jun 1981  
CETAKAN KEDUA, August, 1981**

**Hakcipta Terpelihara**

Semuta hak terpelihara sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari penerbitan

Dicetak oleh:

**LOYAL PRESS Sdn.Bhd.**

16, Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur 01-03.

M  
300-9595  
ALA

Diterbitkan oleh

**AlNujum Enterprise**

42-A, Jalan Tun Abdul Razak, Johor Bahru, Johor.

T.S.T. 1016. JOHOR BAHRU.

302571

A1B

20 DEC 1983  
Narina

---

## KANDUNGAN:

Pengantar	7
Untuk Kawanku MM (Sajak)	11
Ramalan Timbalan Priseden	12
Pendahuluan	24
Dr. M Perlu Diselamatkan	31
Bapa Kasi (Sajak)	36
Surat Terbuka Buat Tunku	37
Kemahuan Manusia	47
Amanat Dari Bukit Siren	60
Ugut Mengugut, Siapa Yang Binasa	65
Kalau Sudah Suratan	74
Rais, Orang Muda Pilihan	82
Cucu Wali Jadi Pemimpin	94
Onn Haji Ismail (Malay Ultra 2)	103
Perhimpunan Menguji Ahli-Ahli UMNO	112
Wang (Sajak)	121

---



**Istimewa Untuk  
Abdullah  
Naguib  
Hadi  
Fuad  
juga Neil Aidah.**





*"Take it easy. Relax Brother. Lain kali I kasi you menang pulak." Itu ke perkataan yang di bisikkan oleh Datuk Musa pada Ku Li. Encik Ghaffar macam tak percaya aje.*



"O. K. Musa you menang. Ingat jangan suka sangat. Encik Ghaffar ada sebelah I, dia Vice President tau!" Ya ke! Ku Li cakap macam tu, pada Musa? Ku Li senyum. Musa senyum. Encik Ghaffar senyum. Abdullah Badwi di belakang pun senyum. Senyum mereka tak sama, Orang politik.

## Pengantar

Bukanlah tidak ada kebebasan akhbar di Malaysia. Kebebasan akhbar itu pula bukanlah tidak ada batasannya. Batasan memang perlu ada dalam apa kebebasan pun. Hakikat ini kita akui. Demikianlah maka kami memasukkan sebuah tulisan yang dibuat oleh Dinsman ke dalam buku ini. Tulisan itu telah dihantar kepada sebuah akhbar di Kuala Lumpur, tetapi tidak disiarkan. Barangkali kerana ia bertentangan dengan polisi akhbar itu. Setiap akhbar ada polisinya sendiri. Kita tahu. Atau barangkali pihak akhbar itu kurang suka dengan penulis buku ini. Kita tidak tahu.

Dua tiga hari lalu seorang penulis yang bernama Reza Rahman membuat ulasan terhadap buku ini di dalam akhbar *Watan* (14 Ogos 1981). Tajuk tulisannya cukup hebat: "Siapa Selepas Musa? Sebuah Karya Irrasional". Dikatanya buku ini irrasional, tidak lojik dan lucu. Kami suka kata yang akhir itu: Lucu. Apanya yang lucu terserahlah kepada tafsiran masing-masing. Kami juga suka pada kata 'irrasional'. Kalau ramalan buku kami yang berani ini telah terbukti begitu tepat, dan ia dikatakan irrasional, kami suka. Perkataan itu pun sedap. Irrasional. Tak ramai orang boleh menghasilkan karya irrasional, tau! Kami kira kamiberjaya.

Tunku Abdul Rahman pun marah kepada pengarang buku ini. Tunku Abdul Rahman? Yalah! Perdana Menteri Pertama kita yang sekarang menjadi kolumnis dalam suratkhabar *Star* dan *Watan*. Dia menulis dalam bahasa Inggeris. *Watan* terjemah. Kalau nak tahu apa dia kata, carilah semula akhbar itu dan baca. Mungkin saudara-saudara sudah baca.

Sebenarnya bukanlah maksud kami nak keluarkan buku kami dalam keadaan begitu. Tapi saudara-saudara haruslah juga faham. Kita bekerja dalam bermacam-macam keterbatasan. Keterbatasan waktu adalah sesuatu yang kita mesti akur. Tapi kerja mesti jalan juga. Walaupun terpaksa dixerox sahaja kerana tidak ada pencetak yang sanggup mencetaknya, buku yang penting itu mesti diterbitkan juga. Dan Alhamdulillah. Walaupun tekniknya tidak memuaskan, ia habis juga dibeli. Ramai pula kawan-kawan kami yang tak sempat memilikinya.

Begitulah yang selalu berlaku kepada pengarang ini. Sambutan terhadap bukunya sentiasa menggalakkan. Kami sentiasa gembira menerbitkan buku-bukunya. Pada mulanya buku ini dirancangkan menjadi sebahagian dari buku JOHOR DI TAHUN AYAM JAGUH. Tapi kerana keadaan mencadangkan bahagian ini diterbitkan terlebih dahulu, ia pun diterbitkan terlebih dahulu. Kini ia tidak lagi jadi sebaha-

gian daripada buku JOHOR DI TAHUN AYAM JAGUH itu. Ia jadi sebuah buku yang lengkap dengan sendirinya. Buku JOHOR DI TAHUN AYAM JAGUH sedang diusahakan oleh S.H.Alattas. Kami belum dapat berjanji bila buku itu dapat diterbitkan. Tunggu lah. Sabar.

Ramalan-ramalan S.H.Alattas untuk Perhimpunan Agung UMNO ke 32 banyak yang terbukti benar. Selain daripada Mahathir dan Musa yang menang sebagai Presiden dan Timbalan Presiden, sebelas daripada dua puluh calon yang menang untuk kerusi Majlis Tertinggi adalah calon-calon yang nama mereka bermula dengan huruf M atau MIM (jawi). Mereka ialah Wan Mokhtar Ahmad (948), Mat Rais Yatim (937), Mokhtar Hashim (842), Mohd Adib Adam (721), Wan Mohammad Wan Teh (715), Mohamad Rahmat (689), Marina Yusuf (678), Mohd Ghazali Shafie (768), Mohd. Najib Tun Ab Razak (759), Manan Othman (651) dan Mohammad Yaacob (590).

Itu hanya satu daripada kriteria firasat yang digunakan oleh Pak Belalang Moden ini. Sebagai seorang pemerhati dan penganalisa politik, pengarang ini juga menggunakan beberapa kriteria lain dalam membuat ramalannya. Orang yang namanya tak bermula dengan M atau MIM pun ada yang diramalkannya akan menang juga berdasarkan kepada faktor-

faktor tertentu. Selepas selesai Perhimpunan Agung itu S.H.Alattas bercadang hendak menulis beberapa bab lagi, khususnya untuk menganalisa dan meramalkan masa depan pemimpin-pemimpin pelapis, untuk dimuatkan ke dalam buku ini, sebagai edisi kedua. Tapi rupanya rancangan ini pun tidak disetujui juga oleh keadaan. Ramai kawan-kawan bertanya bila lagi cetakan keduanya akan terbit. Banyak orang bercakap tentang buku ini dan mereka tak sabar ingin mengetahui apa isinya hingga ia dimarah oleh Tunku dan dicop sebagai irrasional oleh seorang penulis lain. Dengar orang bercakap sahaja kita tak baca pun tak sedap juga, kan! Jadi, kami mengambil keputusan: Terbit dulu buku ini sebagai cetakan kedua, tanpa tambahan bab-bab seperti yang dirancangkan itu. Dan bab-bab tambahan yang telah ditulis itu akan disusun semula untuk sebuah buku baru pula selepas ini.

Sehingga itu, selamat membaca!

Penerbit

## UNTUK KAWANKU MM

*Jika kaumati  
merah-putih tidak bererti lagi  
yang merah kehilangan budi  
yang putih kehilangan peri*

*Jika kaumati  
segala jalur kehilangan warnanya  
dan bangsa kehilangan namanya*

*Kerana aku tahu  
M dan M  
adalah arus kemenangan  
gema dalam darah  
Syahdu suara agama*

*S. H. Alattas,  
Malay Town,  
Kuala Lumpur.  
13 May 1981.*

### Ramalan Timbalan Priseden

Orang' tengah sibuk bercakap tentang siapa akan menang jadi Timbalan Presiden UMNO menjelang Persidangan Agung 26 Jun lalu; semua suratkhabar melaungkan gema pertanyaan dan kebimbangan Tengku Razaleigh atau Datuk Musa yang akan menang; tiba-tiba S.H. Alattas mencampakkan sebuah buku ke tengah-tengah keributan itu, ke tengah-tengah gelanggang peminatpolitik dan para perwakilan UMNO yang sudah berkumpul di Kuala Lumpur untuk membuat pilihan penting itu, dan buku itu dengan tegas dan penuh yakin bertanya: SIAPA SELEPAS MUSA?

Hah! Siapa yang tak terperanjat. Buku apa ini? Kenapa bertanya siapa selepas Musa? Bukankah siapa antara Musa dan Tengku Razaleigh? Jelas Musa yang dimaksudkan itu

bukan Musa Ahmad, kerana gambar Datuk Musa Hitam terpampang di kulit depan, di bawah gambar Datu Seri Dr Mahathir. Apakah Musa sudah menang? Jawabnya, waktu itu pemilihan belum dibuat.

Cuba buka tengok apa isinya. Wah, buku apa ini? Teknik percetakannya buruk sekali. Malah tidak dicetak pun. Dixerox sahaja. Tiap-tiap helai cuma sebelah muka sahaja ada isi, sebelah lagi kosong. Nampak betul ia dibuat secara tergesa-gesa. Ada gambar yang terpotong tak nampak kepala. Ada halaman yang tersalah letak. Nombor halaman pakai tulis tangan saja. Terburu-buru betul ia disiapkan. siapa penerbitnya? Al Nujum Enterprise.

Terbit asal terbit. Bukan. Terbit asal sampai kepada yang dituju. Yang dituju ialah Perhimpunan Agung UMNO. Masa tak banyak untuk menunaikan tuntutan teknik. Nak tangguh tak boleh. Mesti terbit tepat pada waktunya. Kalau terliwat tak ada makna, khususnya dari segi pasaran. Kalau begitu kenapa tak siapkan lebih awal? Macammana? Senangkah nak buat kajian, penyelidikan dan nujum untuk meramalkan Datuk Musa atau Tengku Razaleigh yang akan menang?

Senang atau susah, S.H.Alattas telah pun

mengerjakannya. Dan ini bukunya yang ke sepuluh. Mengikut pengalamannya yang lepas-lepas, buku ini pasti sempat dicetak. Tapi, rupa-rupanya dia tak sempat menujum tentang siapa yang nak cetak buku ini. Semua pencetak-pencetak yang sempat dihubungi enggan mencetak. Maka tak adalah jalan lain lagi selain daripada xerox.

Tak kisahlah itu. Dalam hal ini teknik cuma perlu setakat isinya boleh sampai pada waktunya dan pada sasarannya. Demikianlah kabarnya buku itu begitu laris, lebih daripada larisnya goreng pisang. Habis. Lima ringgit satu. Tebal seratus halaman, (campur seratus halaman kosong). Tak tahu lah kita berapa jumlah yang diterbitkannya.

Persidangan atau Perhimpunan yang bersejarah itu sudah pun berlalu. Tahu lah kita kenapa buku itu tidak bertanya "Razaleigh Atau Musa Yang Menang?". Dua ratus lima undi lebih untuk Musa bukan jumlah yang kecil. Siapa pun tak jangka sampai sebesar itu kemenangannya. Tapi barangkali S.H.Alattas begitu sekali pasti dengan kemenangan Musa? Barangkali itu adalah rahsianya. Bukankah S.H.Alattas itu juga dikenali dengan nama Pak Belalang Moden?

Kita jangan terkeliru dengan seorang lagi penulis yang sama nama dengannya, iaitu Syed Hussein Al-Attas dari Singapura, seorang pensyarah universiti yang banyak menulis buku khususnya buku-buku sosiologi. Memang ada orang yang terkeliru. Jadi, kita jangan keliru.

S.H.Alattas yang kita bicangkan di sini ialah S.H.Alattas Pak Belalang Moden. Buku yang pertama diterbitkan pada tahun 1969, berjudul "Firasat - Rahsia Mengenal Diri Sendiri". Waktu itu nama Pak Belalang Moden lebih ditonjolkan daripada nama S.H.Alattas. Dia lebih percaya atau lebih suka kepada nama Pak Belalang Moden kerana waktu itu dia menganggap dirinya sebagai ahli nujum. Maka sesualilah buku pertamanya itu, mengenai ilmu firasat, atau ilmu nujum.

Kemudian pada tahun berikutnya dihasilkannya pula buku "Melangkah Dan Berjaya". Masih dalam konteks ilmu firasat. Lanjutan dari konsepnya mengenai mengenal diri sendiri. "Melangkah Dan Berjaya" adalah berhubungan dengan kepercayaan dan keyakinan kepada diri sendiri. Pengarang sendiri memang sentiasa memperkuatkan dan mengutamakan keyakinan diri dalam pembawaan kehidupannya.

"Rahsia Mimpi Anda" (1970), bukunya yang ketiga, mengembangkan lagi identiti dirinya sebagai ahli nujum. Menegaskan lagi penggunaan nama samaran Pak Belalang. Dan seperti lazimnya, seperti ahli-ahli nujum tradisional yang mempunyai hubungan rapat dengan golongan pemerintah, begitulah juga dengan Pak Belalang Moden ini. Dia mulai mengumpul kawan dari golongan pemimpin. Demikianlah pada tahun 1972 dia menghasilkan buku "Temanku Pemimpin-Pemimpin".

Tapi Pak Belalang ini Pak Belalang Moden. Fungsi dan sifatnya jauh berbeza dengan fungsi dan sifat ahli nujum tradisional. Hubungannya dengan golongan pemerintah tak sama dengan hubungan yang terdapat antara nujum-nujum tradisional dengan golongan pemerintah mereka. "Temanku Pemimpin-Pemimpin" menunjukkan minatnya terhadap bidang politik dan kepimpinan.

Bukunya yang ke lima, "Kenapa Rosli Dhoby Dan Tiga Hero Sarawak Dihukum Bunuh?" (1975), memperjelaskan lagi tentang perkembangan baru kerier ahli nujum ini. Dia bukan sahaja membuat ramalan, tetapi juga membuat penyelidikan. Berasaskan konsep mengenal diri dia menyelidik mencari maklumat-maklumat untuk mengenali sesuatu

secara lebih mendalam. Mempersoalkan sesuatu untuk mendapatkan kebenaran. Kerja seperti ini menuntut keberanian. Tuntutan ini memang ada pada dirinya. Berbagai-bagai masalah dan rintangan dihadapinya. Risiko juga perlu dihadapi dan diterima. Akibatnya dia diharamkan masuk ke Sarawak. Kita tak perlu bertanya sebabnya kenapa salahnya apa.

Pak Belalang Moden tidak berserah kepada nasib. Dia bukan sahaja yakin kepada dirinya sendiri, tetapi juga kuat berusaha untuk mencapai kejayaan yang dimimpikannya. Ini terbukti melalui bukunya yang seterusnya, "9/10 Rezeki Dari Perniagaan" (1975). Dia tidak memperjudikan hidupnya. Dia bermula. Sebelum menghasilkan buku pertamanya dia telah berpengalaman menjadi Pengurus Grolier International Corporation, Preston Corporation dan Holiday Magic East bagi kawasan Selatan Semenanjung. Semua buku-bukunya dijualnya sendiri. Buku pertamanya, misalnya, tiga kali dicetak. Hampir 30 ribu naskhah. Jadi konsep hidup bermula dengan segala keperluan-keperluan berhubungan dengannya memperkuatkan konsep dan ilmu firasatnya.

Selepas berjaya menggemparkan golongan-golongan tertentu di Sarawak, pada tahun

1978 dia menggemparkan pula golongan-golongan tertentu di Melaka. Bomnya ialah buku "perang Di Kuala Linggi 1978". Minatnya terhadap politik semakin kuat.

Melangkah dan berjaya. Itulah azam dan itu-lah matlamat. Penyelidik dan peniaga memang sukakan cabaran. Cabaran menjadi ransangan. Diharamkan masuk ke Sarawak, dia menulis lagi buku tentang Sarawak. "Sarawak Kepada Siapa Hendak Diserahkan?" (1979). Keberaniannya menyatakan pendapat dan pendirianya semakin jelas. Dia kurang senang dengan pimpinan waktu itu. Dia banyak memuji Datuk Amar Haji Abdul Taib Mahmud. Rupanya ramalannya benar-benar terjadi kemudiannya. Sekarang Datuk Amar Taib menjadi Ketua Menteri Sarawak.

Bukunya yang terakhir sebelum "Siapa Selepas Musa?" ialah "Bahtera Lama Nakhoda Baru". Dari seorang ahli nujum kini dia menjadi pemerhati politik yang rajin dan tekun, serta berani. Ahli nujum moden ini yakin benar kepada dirinya. "Siapa Selepas Musa?" adalah bukti yang cukup nyata. Dengan tegas dia mengemukakan pendapatnya, berdasarkan penyelidikan dan ramalan firasatnya. Itulah kelebihan S.H.Alattas sebagai pemerhati dan penganalisa politik; berkebolehan dan berpengetahuan dalam ilmu firasat.

"Sesungguhnya sehingga sehari sebelum pemilihan pucuk pimpinan UMNO, tidak ada pengamat politik berani menduga dengan jelas siapakah yang mungkin menang antara Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh bagi merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO." Demikian kata seorang pemerhati dan penganalisa politik yang terkenal di Malaysia melalui kolumn tetapnya di akhbar Watan, keluaran 10 Julai 1981, Subky Latiff. Agaknya Subky tak sempat beli buku S.H.Alattas.

Khabarnya buku itu dah habis. S.H.Alattas tahu ramai lagi orang ingin membacanya, kerana itu edisi kedua dari buku "Siapa Selepas Musa?" itu akan diterbitkannya tidak lama lagi. Kali ini dengan beberapa bab tambahan, sempena menjelang penyusunan semula kabinet Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Tentunya kali ini buku itu akan dicetak, bukan dixerok lagi, dalam jumlah yang lebih banyak supaya lebih ramai orang dapat membacanya.

Nama Mahathir dan Musa bermula dengan huruf Mim (jawi) atau huruf M. Ini merupakan salah satu faktor kenapa Musa diramalkan menang mengikut firasatnya. Tengku Mahmud tiba-tiba menjadi Sultan Johor. Namanya ber-

mula dengan huruf M. Tengku Abdul Rahman yang mulanya menjadi Tengku Mahkota Johor itu sekarang jadi Tengku Bendahara. M menang R kalah. Musa menang Razaleigh kalah. Datuk Rais Yatim juga diramalkannya akan menang dan menjawat jawatan yang lebih penting dalam kabinet Dr Mahathir, kerana namanya juga sebenarnya bermula dengan huruf M, iaitu Mat Rais Yatim.

Itu cuma dari segi firasat. Menjadi faktor pembantu yang penting. Ramalan S.H.Alattas bukan sahaja berdasarkan firasat. Banyak alasan-alasan lain lagi dikemukakannya, terutamanya dari segi sejarah kewibawaan dan keperibadian kepimpinan calon-calon berkenaan. Dia memang banyak juga membuat penyelidikan dan pemerhatian.

Kombinasi yang kuat antara ilmu firasat dengan analisa politik akan dapat dilihat pada buku S.H.Alattas yang akan segera terbit selepas terbitnya edisi kedua "Siapa Selepas Musa?". Buku itu berjudul "Johor Di Tahun Ayam Jaguh".

Yang penting dan menariknya penulis ini ialah sikapnya yang tegas dan berani. Katanya dalam buku "Siapa Selepas Musa?": "Saya rela menjadi korban keadaan dan dilabelkan

sebagai ‘penulis leftis’ atau orang dua ‘M’ dari membiarkan pemimpin negara yang berani tegas jujur dan bijaksana menjadi korban.” (hal. 53)

Ternyata dia seorang penulis yang berpendirian dan komited. Kalau diasah dan dipertajamkan lagi bakatnya dalam bidang penulisan, dia akan menjadi seorang penulis politik yang penting di negara ini, yang akan diperhatikan kerana ketajaman mata penanya. Buat masa ini memang teknik penulisan yang baik menjadi kelemahannya. Bukan “Bahtera Lama Nakhoda Baru” misalnya boleh dikatakan sebuah buku rojak. (Tapi banyak juga ramuan rojak itu yang sedap). Macam-macam hal dimasukkannya. Tidak ada kesatuan persoalan dalam teknik dan pendekatan penulisannya. Kerana inilah juga kadang-kadang hujah-hujahnya menjadi begitu longgar.

S.H.Alattas Pak Belalang Moden ini memang sedar akan kelemahannya dalam teknik penulisan. Kita berharap dia akan mengasah bakatnya di bidang ini, supaya kelemahan teknik penulisan tidak menjadi faktor utama yang membezakannya dengan Syed Hussein Al-Attas pensyarah Universiti Singapura itu. Kita berharap dia akan jadi penulis politik yang penting di Malaysia. Samada dia sendiri

boleh meramalkan masa depannya atau tidak kita pun tidak tahu. Wallahu A'lam!

Dinsman

---

(Artikel ini telah dihantar ke sebuah akhbar di Kuala Lumpur, tetapi tidak disiarkan)

---



Inilah dia pemimpin yang akan menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia. S.H. Alattas, (pengarang) bergambar dengan Y.A.B. Datuk Musa Hitam sebelum perhimpunan agung UMNO Malaysia yang ke 32.

Dengan izin dan kehendak Allah apa yang ditulis dan diramalkan oleh pengarang menjadi satu kenyataan, apakah S.H.Alattas masih dianggap penulis yang irrasional? Kalau dituduh irrasional oleh pengkritik, terserahlah.

Walau bagaimanapun, berapa ramai penulis yang dilabelkan sebagai penulis irrasional?

## Pendahuluan



Bismillah – irrahman – irrahim

APAKAH orang-orang UMNO terutama wakil-wakil ke Perhimpunan Agung UMNO sahaja yang berhak memilih dan menentukan siapa bakal menjadi Timbalan Presiden yang mengikut tradisi pula bakal menjadi Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya akan mewarisi jawatan Perdana Menteri pula di suatu hari nanti?

Bagaimana pula dengan rakyat Malaysia sendiri, terutama rakyat Bumiputera keturunan Melayu yang bukan perwakilan di Perhimpunan Agung UMNO tersebut atau orang Melayu yang bukan ahli UMNO?

Apakah mereka ini tidak mempunyai hak untuk membuat pilihan dan penentuan?

Apakah orang Melayu seperti kami tidak mempunyai hak yang sama seperti ahli-ahli UMNO, sedangkan kami juga adalah rakyat yang juga sama-sama mencintai negara ini?

Sebagai seorang warganegara, anak jati negara ini, sementelahan pula saya juga adalah orang Melayu, biarpun saya tidak berhak mengundi tetapi saya berhak menyuarakan siapa pemimpin yang saya mahu untuk mengendalikan negara ini.

Masih teringat saya kepada pesanan yang dibuat oleh Datuk Hussein Onn di Johor Bharu pada 15 Mei 81 lalu. Pesanan yang lebih merupakan amanat, ketika beliau memutuskan untuk meletakkan jawatan Perdana Menteri. Beliau menekan agar orang UMNO berpandukan kepada empat syarat yang digariskannya dalam membuat pilihan untuk pemimpin di negara ini. Antaranya beliau menekankan bahawa syarat-syarat tersebut.

\* Tanpa kejujuran tulin, seorang pemimpin akan menggunakan jawatannya sebagai bahan dagangan untuk mencapai kedudukan, mencari pengaruh, nama serta membolot kekayaan.

\* Seseorang pemimpin mesti tegas, kerana tanpa ketegasan akan ada yang mengambil kesempatan memperkudakan perjuangan parti untuk kepentingan diri mereka.

\* Tanpa disiplin yang tinggi, seseorang pemimpin bukan sahaja bolih diperalatkan oleh pehak yang ingin mencari pengaruh, tetapi juga akan mendorong kepada penyelewengan.

\* Tindakan yang bolih menjelas keutuhan UMNO oleh mana-mana pehak dalam parti

yang terkeluar dari landasan disiplin dan menggugat maruah serta kehormatan parti, tak bolih dibiarkan.

Saya sungguh terkejut apabila akhir-akhir ini Dr. Mahathir telah dilebal sebagai "golongan kiri" atau beliau disindir tentang wujudnya "puak kiri" didalam UMNO.

Penekanan dan selaran yang merugikan perjuangan UMNO itu sendiri telah menampakkan kilat dan kilaunya sendiri. Hasil dari ungkapan "kiri" dan Datuk Musa seolah-olah disarankan sebagai termasuk dalam 'golongan kiri ini. Tetapi bagi rakyat dan masyarakat Melayu umumnya istilah "kiri". ini juga membawa implikasi 'komunis'.

Anehnya kenapa baru sekarang Datuk Musa Hitam mahu digelar 'puak kiri'? Kenapa beliau tidak dikecam atau dilabelkan dengan istilah 'kiri' ini sejak empat lima tahun yang lampau? Atau adakah penonjolan ini kerana sekarang telah termaktub sesuatu yang lain yang tersirat di sebalik apa yang telah tersurat di muka umum.

Datuk Hussein yang memilih Dr. Mahathir. Beliau juga yang memilih Datuk Musa duduk dalam kabinetnya. Sudah menjadi semacam tradisi atau warisan UMNO orang yang memegang Kementerian Pelajaran selalunya yang dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya nanti Perdana Menteri.

Keadaan ini sudah terjadi sejak di zaman Tunku menjadi Presiden UMNO, Timbalannya Allahyarham Tun Razak yang sebelumnya

menjadi Menteri Pelajaran. Pesaka Tunku ini kemudiannya diwarisi oleh Allahyarham Tun Razak yang kemudiannya melantik Datuk Hussein selaku timbalannya, yang juga bekas Menteri Pelajaran.

Yang kiri sebenarnya adalah orang-orang Tiga Abdul. Tetapi sekarang perkara Tiga Abdul tidak berbangkit lagi. Mereka telah terampun. Pucuk pimpinan UMNO masih belum dapat melupakan hubungan erat yang dijalankan oleh Abdullah Ahmad dengan orang kanan UMNO.

Tentu dalam hal ini Datuk Musa Hitam tahu sangat. Abdullah Ahmadlah yang sering membuat ucapan-ucapan penting untuk orang-orang kanan UMNO dan salah seorang dari ‘tiga Abdul’ inilah juga yang pernah membuat beberapa siri ucapan untuk pemimpin UMNO yang mengakui diri mereka orang kanan. Biar bagaimana pun saya kira perkara ini masih boleh dipertikaikan secara subjektif dan rasional.

Adanya hari ini adalah kerana adanya semalam. Biarpun semalam sudah berlalu namun segala kejadian pahit manis yang telah kita alami adalah satu sejarah. Pada waktunya eloklah kita menoleh ke belakang untuk kita jadikan panduan kerana kemungkinan sejarah akan berulang kembali.

Sama ada ayam jantan akan berkокok atau tidak, sudah menjadi tradisi alam yang matahari tetap akan terbit pagi. Secara kebetulan tahun ini ialah tahun ayam jantan

mengikut perkiraan tahun Cina; dan orang Cina menilai satu-satu tahun itu mengikut tabiat binatang yang menjadi simbol bagi tahun tersebut.

Sifat ayam jantan berkокok di waktu subuh membangunkan makhluk biarpun Islam bersama kumandangnya suara azan. Bersenjatakan taji, kelebihannya di kaki. Suka bertarung. Peristiwa 13 Mei berlaku di tahun ayam jantan.

Kerja yang paling senang ialah mengkritik dan mencari kesalahan orang. Selalunya sudah menjadi kebiasaan rumah siap pahat masih berbunyi.

Tidak ada manusia yang sempurna. Bumi mana yang tidak ditimpa hujan, lautan mana yang tidak bergelombang. Selagi manusia bernama manusia tentu terdapat silap salahnya. Lebih-lebih lagi bagi seorang pemimpin yang sudah berada di kemuncak.

Boleh dikira dengan jari berapa orang pemimpin yang tidak melakukan kesilapan di dunia ini. Adalah suatu yang mustahil untuk memberi kepuasan kepada semua manusia di bawah kekuasaan dalam suatu waktu.

Orang ramai tidak nampak masalah yang dihadapi oleh seorang pemimpin. Biar bagaimanapun Allah tidak memberkati sesaorang melainkan apa yang disanggupinya.

Untuk mengetahui kebaikan kawan tanyalah sahabatnya. Untuk mengetahui keburukaninya pula bertanyalah pada seterunya.

Apa yang kita harapkan dari manusia yang ideologinya bertentangan dengan ideologi kita? Tentulah pemimpin yang bijak akan mencari pembantu yang sesuai untuknya. Mustahil ‘itik angsa’ boleh berkawan dengan ‘itik air’.

‘Siapa Selepas Musa’ ini adalah sebahagian dari buku saya. “Johor di Tahun Ayam Jaguh” yang sedang saya usahakan. Di sebabkan kesuntukan masa untuk hidangan di Perhimpunan Agung UMNO yang ke 32 ini saya hidangkan juga sebagai satu sumbangan yang ikhlas dari saya. Bahagian yang lain, dengan izin Allah akan saya terbitkan dalam masa tidak berapa lama lagi. Insyaallah.



Perdana Menteri  
Y.A.B. Datuk Sri Dr. Mahathir

## **Dr. M Perlu Diselamatkan**

DATUK SERI Dr. Mahathir Bin Muhammad adalah orang yang ke empat yang akan menjadi Perdana Menteri Malaysia dan merupakan orang kedua menjadi Timbalan Perdana Menteri dari Jurusan Perubatan.

Sejarah akan mencatatkan Dr. Mahathir adalah orang yang pertama yang bukan dari kalangan Istana yang akan menjadi Perdana Menteri Malaysia, Insya Allah.

Kalau sudah suratan takdir, sekiranya Allah menghendakinya tidak siapa yang berkuasa menahan kehendak Allah yang Maha Besar, tidak ada kuasa., melainkan kuasa Allah.

Ada golongan yang mengatakan semasa Datuk Hussien menjadi Perdana Menteri dia tidak memilih Ghaffar kerana perwatakan dari segi firasat. Datuk Hussein, tinggi. Bentuk badan,

bentuk muka, mata, leher, kepala dan banyak lagi perwatakan yang tidak menunjukkan persamaan antara mereka kedua. Macam itik angsa dengan itik air, walaupun sama jenis dari golongan itik juga, tapi tidak sesuai berkawan. Berdiri tidak sama tinggi, duduk tidak sama rendah. Selain dari itu mereka tidak mempunyai ideologi yang sama.

Ada juga orang yang mengatakan Datuk Hussein memilih Dr. Mahathir kerana Mahathir sebagai seorang doktor sentiasa bersih dan berdisiplin. Kalau pun Mahathir dikatakan radikal atau dituduh jahat, suka melawan, tapi tidak membahayakan, kerana jahat-jahat orang muda, cuma pada kulit sahaja. Jahat orang tua sampai ke darah daging. Lagi pun kalau orang tinggi berkawan dengan orang pendek, selalunya orang pendek lebih berjaya kerana orang pendek ini cerdik, ligat, licin dan seboknya lebih. Kalau dia tidak buat sebok nanti orang tidak nampakkan dia. Ini sifat semula jadi orang yang ukurannya lebih pendek dari orang biasa.

Sekarang, masa dan waktu sudah sampai untuk Dr. Mahathir memilih orang yang bawah pada dia. Antara sebab pertama dia tidak sanggup dan berani memilih Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah ialah kerana dia takut ketulahan. Tengku Razaleigh anak raja. Mana boleh anak raja diletak di bawah

dan dia duduk di atas. Dr. Mahathir akan hanya tetap dengan panggilan YAB (Yang Amat Berhormat) sedangkan Ku Li tentu akan dipanggil YABM (Yang Amat Berhormat Mulia) atau mungkin YTM (Yang Teramat Mulia) Mana lojiknya, Timbalan lebih terhormat dan mulia dari PM sendiri. Sambil itu Dr. Mahathir mesti menggunakan Bahasa Istana bila bercakap dengan Ku Li. Ku Li bukan sebarang anak raja. Ku Li dari keturunan yang disegani dan dihormati. Jadi Dr. Mahathir sentiasa ada moral obligation. Sentiasa akan memberi penghormatan dan keutamaan pada anak raja dari Kelantan ini. Ini yang akan menyusahkan Mahathir. Kasihan Perdana Menteri kita. Inilah yang memeningkan kepalanya.

Bercakap dengan Ku Li mesti 'berpatik-patik', mesti sopan santun. Kalau tidak orang kata tidak tahu adat Istiadat Istana. Malu juga PM kita jadinya. Malu PM malulah kita semua.

Kedua, perwatakan Mahathir dan Ku Li tidak sama. Tak macam pinang dibelah dua. Bentuk muka, mata Dr. Mahathir 'deep set', hidung, mulut dan dagu pun begitu. Macam juga dulu antara Datuk Hussein dengan Ghaffar Baba. Dari segi saikoloji sahaja sudah tidak sesuai. Ini lagi satu 'mental torture! Bagi Dr. Mahathir mendapat pasangan yang tidak sesuai.

Sambil itu, dari segi profesyen, yang satu doktor. Doktor perubatan. Bagi seorang

doktor nyawa manusia sangat penting. Setiap manusia mesti diselamatkan. Mesti utamakan tugas dan tanggungjawab tanpa memikirkan keuntungan dari pesakit yang hendak diselamatkannya. Ini terkandung sebagai antara etika dalam dunia perubatan bagi seorang doktor!

Tapi bagi Ku Li lain, dia orang yang macam 'Karun' di khazanah. Bagi dia nombor satu duit. Dia tidak peduli siapa. Yang mesti dia fikir bagaimana bank boleh untung. Orang bermula mesti fikir bagaimana mencari dan mengaut untung. Kalau tidak dia gagal menjadi Kewangan. Soal Melayu, China, India, Russia atau Amerika, dia tidak peduli. Yang penting bagaimana cara hendak mendapatkan wang. Wang, wang, wang! Dan hari ini orang Melayu sudah dicuci otaknya supaya gilakan wang. Seakan-akan telah wujud 'financial doctrine ala Ku Li'. Dan kerana ini sudah ada orang Melayu yang menamakan dirinya Islam, sudah menjadikan wang itu sebagai Tuhan. Sudah banyak orang Melayu yang menjadikan wang sebagai Tuhan No. 2. Kehancuran Amerika hari ini ialah kerana orang telah menjadikan wang benda yang terpenting dalam hidup. Wang adalah nombor wahid mereka! Ketahuilah, manusia akan rosak binasa, terkorban kerana wang dan kekayaan yang berlebihan. Dan ketiga, Mahathir juga mahukan orang yang dia suka untuk menjadi teman, kawan

yang akan sentiasa bersama dia. Seia sekata. Kalau dia hidup dan ditakdirkan mempunyai Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Timbalannya, dia pasti akan dihinggapi 'sakit jiwa'. Seorang Doktor tentu tahu harga gula tak perlu naik kalau mahukan gula itu tetap menjadi source of energy, yakni punca kekuatan tenaga. Tapi kalau peniaga macam mana hendak dapat untung lebih dengan jual gula. Pengguna sakit ke, lemah ke, kempunan tak dapat gula ke, tak kisah asal harga tinggi, untung dapat kaut banyak-banyak. Saya percaya bukan sahaja ahli UMNO, rakyat yang cintakan negara ini tentu tidak hendak melihat Perdana Menterinya menderita kena sakit jiwa kerana Timbalan Perdana Menteri! Habis bagaimana?



## BAPA KASI

*Untuk apa kau berkокok lagi  
ayam tua  
tajimu telah patah di gelanggang*

*Untuk apa kau berkокok lagi  
bapa kasi  
kaulah jaguh yang lesi  
racun yang menitis dari pialamu sendiri  
rasalah kini panasnya  
dan berhentilah kau  
di bawah rimbunan pohon puaka*

*S. H. Alattas,  
Chaw Kit Road,  
Malay Town.  
15 Shaban 1401.*

## Surat Terbuka buat Tunku

Kami tahu apa jasa dan juga kesilapan yang sudah Tunku lakukan terhadap orang Melayu, kerana Tunku Bapa Kemerdekaan. Walau pun sebenarnya bukanlah Tunku seorang sahaja yang memperjuangkan kemerdekaan, tapi pada Tunku kami berikan penghormatan.

Sebilangan kecil dari orang Melayu terutama Ahli UMNO masih taat dan menghormati Tunku, kerana Tunku Bapa Malaysia dan sedikit sebanyaknya masih ada pengaruh dalam negeri ini.

Biar bagaimana pun Tunku patut ingat 3/4 dari Ahli UMNO sekarang adalah dari golongan muda, ada di antaranya, termasuklah *The Angry Young Men*, yang tidak tahu adat istana. Mereka tidak tahu yang UMNO dilahirkan dalam Istana Besar, Johor Bharu. Kalau

berdiri, anak murid kencing berlari” *Don't push a man too far*. Jangan sampai cacing naik ke mata.

“*The Freedom Fighters*” tidak pernah mengungkit-ngungkit kesilapan dan dosa-dosa Tunku terhadap bangsa dan Agama. Dalam zaman siapa “Singapura terlepas keluar dari Malaysia?” Apakah Tunku fikir orang Melayu di Singapura dan di Malaysia lupakan hal ini? ‘Dúrhaka’, ‘leftis’, ‘komunis’, sudah tidak menakutkan orang Melayu lagi. Pemimpin Melayu yang jadi komunis akan mendapat pengampunan bila dia bertaubat, bila sudah mula memakai songkok sambil keluarkan muka di kaca TV dan katakan komunis tidak baik. Contohnya berapa ramai Bapak Komunis yang telah menjahanamkan orang Melayu, parti dan negara? Mereka ini sudah pun diampunkan dan mendapat layanan yang baik pula. Yang kita takut, konon, kalau orang itu digelar ‘orang dakwah’ atau ‘orang Datuk Harun’. Itu tiada ampun maaf.

Kami percaya, anak-anak yang dibesarkan berhampiran dengan tanah perkuburan tidak takut dengan hantu kubur. Di kubur mereka bermain dan mendapat kedamaian. Yang mereka amat takuti ialah dengan Mahligai Kencana, kerena di sana nanti mereka akan jadi hamba.

Masa Tunku jadi Perdana Menteri dulu, loteri yang diharamkan oleh agama, bermati-matian

pun mereka tahu, mereka tidak anggap perkara itu penting sangat, kerana tidak termaktub dalam Perlembagaan UMNO yang Perdana Menteri, Presiden UMNO, Timbalannya mesti datang dari puak istana.

Kita semua tahu Tunku dari Istana. Allahyarham Dato' Onn pun dari Istana, Arwah Tun Razak pun ada hubungan dengan istana, begitu jugalah dengan Dato Hussein. Apakah sesudah 32 tahun UMNO, dilahirkan Tunku masih mahu golongan dari Istana juga yang memegang terajunya? Apa hal dengan orang yang tidak ada hubungannya dengan istana? Sebab itulah agaknya Tunku beria-ia benar mahukan Tengku Razaleigh Hamzah menjadi Timbalan Presiden UMNO? Dan mengatakan seolah-olah Mahathir-Musa orang-orang kiri?

Akhir-akhir ini, *The New Blood*, atau *The Freedom Fighters*, yang sebenarnya bukannya 'leftis', bukan juga 'komunis', sudah naik meluat dengan tulisan Tunku yang berat sebelah. Sepatutnya sebagai seorang bapa, Tunku mesti bersikap adil terhadap kedua anak yang berebut jawatan nombor dua itu. Tapi jelas nampaknya Tunku menganak-tirikan Datuk Musa. Ini sudah tidak adil dan zalim namanya. Kalau sudah nyanyok, janganlah mencekeh, akhirnya dibenci orang kelak.

Kalau Tunku boleh menulis apa yang Tunku suka, jangan salahkan kami. "Guru kencing

Tunku suruh dihalalkan, dan sebagai pemimpin PERKIM, bila Kerajaan Johor larang orang Islam minum arak di khalayak ramai, Tunku murka. Ke mana sebenarnya Tunku hendak membawa orang Melayu? Ke mana kiblatnya? Sekarang, Sultan Mahmud Iskandar, '*The Freedom Fighter*' dari Istana, Raja Johor sudah berkhutbah di mesjid-mesjid, Tunku tidak marah? Tunku tidak murka?

Lupakah Tunku akan semangat 1946? Lupakah Tunku betapa beraninya orang-orang Melayu bila merasakan mereka sudah terlalu diperbodohkan dan dipermainkan oleh Raja dan Pemimpin mereka?

Perlantikan Gabenor Malayan Union, samalah seperti mengusung jenazah Orang Melayu, dan kerana itu Orang Melayu tidak lagi mahu mengiktiraf raja mereka sebagai Sultan, raja yang memerintah. Adanya rakyat barulah ada raja. Lupakah Tunku pesan Laksamana Bentan, "Raja adil, raja disembah, raja zalim, raja disanggah."

Peristiwa 1hb April 1949, patut diketahui oleh setiap ahli UMNO terutama yang hadir di perwakilan. Bangsa Melayu adalah bangsa yang berani dan berdaulat dan bermaruah. Bangsa Melayu, bukannya bangsa penjilat atau bangsa pak turut. Wang, pangkat dan kebesaran bukanlah segala-galanya di dunia ini.

Apakah sebenarnya sandiwara di sebalik tulisan-tulisan Tunku, masih juga kabur.

Tetapi dapatkah secara ikhlas dan jujur semua ahli-ahli UMNO menilai tulisan Tunku ini sama ada benar-benar tulisan yang rasional atau kerana ada udang di sebalik batu. Kami meneliti apa yang termuat di dalam Majallah *Time* keluaran 15 Julai 1974 mengenai Datuk Musa, yang mengatakan Datuk Musa sebagai golongan yang tidak senangkan keturunan China. Sebab itukah Tunku mahukan Ku Li kerana Ku Li disayangi oleh orang MCA agaknya? Dan kalau bukan Ku Li, mungkin orang China tidak mahu bantu untuk bangunkan Bangunan UMNO?

Allahyarham Dato' Onn merasakan beliaulah orang yang paling dihormati dan dengan kuasanya sebagai Orang Besar dia mahu setiap kata dan telunjuknya diikuti dan hasilnya Dato' Onn sendiri tercampak keluar dari UMNO. Perubahan Dato' Onn yang bermula sejak tahun 1948 menampakkan kehilangan ketegasannya, mula bertolak ansur dengan kehendak Inggeris dan kaum Imigran. Lantas untuk kepentingan politiknya, beliau meminta UMNO membuka keahlian kepada 'Ahli Bersekutu', membuka kan kerakyatan di atas dasar jusoli kepada kaum imigran melalui Jawatankuasa Perunding Antara Kaum dan menukar UMNO menjadi parti antara kaum yang pertama diwujudkan di negara ini.

Idea-idea ini ternyata menyimpang dari cita-cita kebanyakan umat Melayu ketika itu.

Dato' Onn sedar tentang apa yang berlaku. Mungkin disebabkan sifat degil semula jadi yang ada pada dirinya dan memandangkan pengaruhnya dan kuasa yang begitu kuat yang ada pada dirinya, beliau tetap berkeras. Dan akibat kedegilan dan riaknya inilah yang telah membuatkan beliau terkeluar dari UMNO. Sementara Ku Li, seakan-akan banyak menunjukkan keangkuhannya melalui ucapan-ucapannya, seolah-olah kejayaan UMNO di Kelantan adalah kerana jasanya seorang diri. Kerana dia Menteri Kewangan pertama dari UMNO dan dia pegang duit dalam negeri ini, orang UMNO semacam ter hutang budi dan ter hutang hidup padanya. Seolah-olah dia mengugut hendak berhenti kalau perwakilan tidak mengundinya. Ini menunjukkan sikap yang tidak matang. Inilah susahnya kalau anak orang ternama berkuasa, jadi pemimpin. Silap sedikit hendak merajuk.

Ini jelas terbukti dari ucapannya yang mene-kankan tentang masalah ekonomi di mana fikirannya lebih menitikberatkan seakan-akan UMNO telah berjaya melaksanakan segala-gala tujuannya. Bagi orang-orang Ku Li, mungkin boleh menerima perangai anak dari *residency* yang sedikit mengada-ngada, tapi kebanyakan orang lain kurang senang. Ada yang meluat. Belum jadi PM sudah gertak-gertak dan ugut orang Melayu. Kalau dia bukan Menteri Ke-wangan tentu dia tidak berani buat begitu.

Tidak hairanlah kalau sehingga hari ini masih terngiang-ngiang ke telinga kita bahawa MCA akan menderma banyak duit kepada UMNO untuk menegakkan bangunan UMNO. Dan saham MCA dalam bangunan UMNO itu nanti akan menjadi 90%. UMNO sendiri hanya berkesempatan 10% sahaja untuk mengeluarkan belanja pembangunannya. Siapa yang punya bangunan? UMNOkah, atau UMNO-MCA?. Di mana letaknya maruah yang ditonjol-tonjolkan oleh Ku Li? Inikah bentuk warisan bangunan sejarah yang akan ditinggalkan untuk anak bangsa akan datang. Satu bangunan yang tidak beridentiti langsung! Kita tidak hairan dengan kaum imigren di negeri ini mereka akan tunduk kepada siapa sahaja yang berkuasa dan pandai menggunakan kuasa dengan sepenuhnya.

Sementara itu kami juga masih teringat tentang langkah yang diambil oleh Dato' Onn sewaktu membenarkan kemasukan kaum imigren ke dalam keahlian UMNO dahulu sehingga korbannya kedudukan beliau dalam UMNO. Riak dan angkuhnya sikap beliau itu sangat tidak disenangi oleh orang Melayu. Begitu juga ramai orang kurang senang dengan keangkuhan Ku Li dalam ucapannya tempuh hari. Apakah Ku Li telah mengukur kemampuannya sehingga beliau tanpa segan silu mengugut akan melepaskan jawatannya jika beliau tanpa segan silu mengugut akan melepaskan jawatan-

nya jika beliau tertewas di tangan Datuk Musa. Inikah sikap seorang yang menganggap dirinya pemimpin? Inikah perangai seorang yang mendabik dada sebagai 'anak raja berjiwa rakyat', sedangkan seolah-olah menampakkan kepada kita bahawa kehadirannya dalam politik UMNO semata-mata untuk menanam modal dalam usaha untuk menjadi Perdana Menteri? Ini adalah satu sikap yang terlalu negatif. Apakah dengan sikap sedemikian orang UMNO masih tidak dapat lagi berfikir tentang keterlaluan cara beliau? Apakah orang UMNO takut kehilangan Tengku Li, sedangkan negara ini bukannya ketandusan pemimpin yang berkalibar, bukannya kurang bakal pemimpin yang berkebolehan. Apakah Ku Li merasakan beliau perlu mengugut orang UMNO kerana dia memikirkan orang Melayu semuanya bodoh? Orang Melayu tidak punya keupayaan seperti beliau? Kalau inilah tanggapannya, Ku Li sebenarnya telah merendahkan kebolehan orang Melayu sendiri. Tidakkah beliau teringat bahawa kehilangan satu Ku Li akan digantikan oleh seratus atau mungkin seribu lagi Ku Li yang mungkin lebih berkalibar darinya sendiri?

Haruslah diingat oleh orang Melayu, khasnya ahli UMNO sendiri, bahawa jika kita memikirkan kita pandai, kita kuat, kita harus mengakui bahawa ada orang yang lebih pandai dan yang lebih kuat dari kita. Seakan-akan me-

nampakkan kepada kita bahawa dari segi kematangan politik, Tengku Razaleigh seperti mahu memperbodohkan orang UMNO itu di landaskan oleh beliau tidak kita pasti. Yang jelas beliau seolah-olah mahu jadi seperti orang Amerika Syarikat yang mengagungkan kekayaan untuk menakluki dunia, akibatnya dunia huru-hara. Saudara berperang sama sendiri, adek beradik berbunuhan untuk menegakkan kekayaan masing-masing. Inilah tauladan yang jelas pada kita sekarang.

Sebaliknya dengan fikiran rasional Tengku Razaleigh juga sepatutnya telah menyoal dirinya sendiri 'Siapa aku dalam politik? Kalau Dato' Onn, segagah itu, belum ada tolok bandingnya dalam kepintaran dan kepimpinan politiknya, boleh jatuh dalam UMNO, siapa aku pula untuk mengugut dan mencabar orang UMNO?' Ini harus dipersoalkan oleh Tengku Razaleigh terlebih dahulu. Bukan cuba hendak acah-acah. Politik UMNO bukan lagi politik dapur, bukan setakat habis di kedai kopi. Politik UMNO sudah sampai ke taraf politik nasional kalau pun belum boleh diiktiraf sebagai politik internasional. Janganlah terlalu hendak *sub-standard*kan pemikiran dan kematangan politik ahli-ahli UMNO. Jangan. Ini mengarut namanya. Ada lebih baik terus sahaja jadi eksekutif dan taburkan modal dalam perniagaan untuk tinggikan ekonomi kalau masih berhasrat untuk memperkecilkan kemampuan orang Melayu dan Ahli UMNO itu juga terus menerus.



**Y.A.B. Datuk Musa Hitam**  
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

## Kemahuan Manusia

DALAM dunia yang serba maju hari ini, manusia mahu segala-galanya dengan cepat. Manusia mahu melihat apa yang sedang berlaku di Amerika di depan mata mereka. Mereka mahu melihat apa yang akan berlaku esok dan lusa, depan mata mereka, sekarang juga.

Manusia kian hari kian kehilangan kesabarhan, melainkan orang-orang yang beriman kepada Allah. Manusia yang maju tidak mahu tahu apa yang orang lain sudah tahu. Mereka lekas bosan memperkatakan perkara yang sudah diperkatakan oleh orang lain.

Manusia begitu ghairah ingin tahu apa yang akan berlaku esok. kerana biar macam mana cepat pun dia berlari, esok tidak akan berada di belakang mereka. Yang ada di belakang mereka adalah semalam yang dulunya dipanggil esok. Firman Allah ‘Demi masa dan

waktu, manusia itu sentiasa di dalam kerugian, melainkan mereka yang beriman.'

Takut apa pada hari esok? Suka atau tidak, esok pasti datang. Manusia yang dalam perjalanan menuju kemenangan tetap akan menang. Mustahil kalau jagung yang ditanam, kacang yang tumbuh. Masa depan manusia di tangan mereka sendiri. Tuhan tidak akan mengubah nasib satu-satu kaum, melainkan kaum itu sendiri yang mengubahnya.

Orang UMNO tahu, pemerhati politik pun tahu siapa yang menjadi pilihan Dr. Mahathir. Kalau tidak Tengku Tan Sri Razaleigh, tentu Datuk Musa Hitam. Tetapi mereka tidak berani membuat penentuan sama ada perkara itu benar atau tidak.

Kalau sudah begitu jadinya, apa guna diadakan pertandingan dan pemilihan? Cuma apa yang orang tidak tahu ialah apakah hajat hati Dr. Mahathir yang sebenarnya itu akan menjadi kenyataan. Tulisan saya akan menghuraikan kenapa Dr. Mahathir akan memilih Datuk Musa sebagai orang nombor dua.

Yang menjadi persoalan sekarang, siapa pula selepas Datuk Musa? Siapakah gerangan pemimpin muda yang akan menjadi orang nombor tiga, bakal pemimpin Malaysia nanti.

Kita sudah tahu kebolehan dan kelebihan yang ada pada Datuk Musa. Beliau memang layak untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri. Ini telah tidak perlu dipertikaikan lagi. Kita semua bangga mempunyai pemimpin yang berpelajaran tinggi, bijaksana, berpenga-

laman dan pernah rebah bangun dalam politik.

Kalau pun ada kekurangan padanya, cumalah beliau bukannya datang dari keluarga yang kaya raya, dan beliau kurang disenangi oleh segulungan pemimpin Barisan Nasional kerana semangat kemelayuannya. Kononnya beliau kurang senang dengan orang-orang China. Begitulah mengikut sebuah rencana yang diterbitkan dalam majallah TIME, 15 Julai 1974. Apakah tujuan rencana tersebut marilah kita renungkan bersama:

*"Musa Hitam 40, was ousted from the Government when he criticized then Prime Minister Tunku Abdul Rahman for not being tough enough on the Chinese during the bloody 1969 Malay-Chinese riots. Musa, who had been assistant to Deputy Prime Minister Tun Abdul Razak, flew off to England and acquired an M. A. in International Relations at the University Sussex. In 1972 Musa, the son of an impoverished water-meter reader, returned to government as Deputy Minister of Trade and Industry in the Cabinet of Razak, by then the Prime Minister. Politically, Musa's strong suit has always been his vigorous support of the Malay cause in a country with sizable Chinese and Tamil speaking minorities."*

Musa Hitam, mengikut firasat: mukanya tenang bersih, dahinya luas, matanya besar jernih. Tidak ada cacat cela dan kekurangan sifat di mukanya. Dadanya bidang, tingginya

sedang. Orangnya berhemah tinggi, seorang ahli politik yang matang, mempunyai semangat, berani, cekal hati dan tenang, tidak terburu-buru dan tidak tamak. Memang tepat sekali Dr. Mahathir memilih pasangannya.

Orang yang duduknya sama rendah, berdirinya sama tinggi. Kalau jodoh pertemuan (perkahwinan) inilah pasangan yang bahagia. Seperti telaga di bawah bukit, sepandapat, mudah berunding, sama-sama tahu apa yang mereka mahu dan ke mana arah yang dituju. Tentu sekali Dr. Mahathir memandang dengan mata kepala dan hati bila memilih Musa. Beliau lebih kenal siapa Musa dari kita semua. Pilihannya adalah pilihan yang bijaksana dan tepat.

Dalam pengetahuan dan pengajian saya, orang yang namanya bermula dengan Mim (M) telah banyak membawa perubahan. Dalam Al-Quran pun ada cerita dan sejarahnya. Umpamanya Nabi Musa; dia sedikit pun tidak takut menentang Firaun yang kaya, gagah dan berkuasa, kerana dia tahu, kekayaan Firaun tidak boleh menguntungkan rakyat jelata. Kekayaan Firaun tidak ada erti kepada Musa. Piramid dan spinks yang dibina tidak mempunyai apa-apa erti pada rakyat jelata. Firaun hanya mendapat nama kerana membina satu bangunan yang menjadi salah satu benda ajaib di dunia.

Bila Allah memberi seorang hambaNya kekayaan dan kuasa, itu tidak bererti yang Allah kasih kepadanya, Allah maha pemurah,

maha pengasih. Allah akan memperkenankan apa saja permintaan hambaNya. Tapi ramai orang yang kaya menjadi hamba kepada kekayaannya, melainkan mereka yang kaya hati dan perasaan, kaya budi dan bahasa yang membuat sesuatu kebaikan terhadap sesama manusia.

Ramai pemimpin yang kaya sudah binasa kerana kekejaman dan kezaliman yang mereka lakukan terhadap pengikut-pengikutnya. Kekayaan dan kuasa adalah satu cubaan dari Allah. Doa orang yang dizalimi akan dimakbulkan Allah.

Mengikut pepatah Cina, 'Pohon yang besar akan binasa, atau tercabut dari akarnya kalau tidak tunduk bila ribut dan angin kencang melanda bumi! Begitulah yang akan terjadi kepada para pemimpin yang angkuh, yang merasakan diri mereka gagah, dan berkuasa. Bila semangat rakyat bertiup dengan kencang, mengecam dan mengutuk mereka, kerana perangai mereka yang angkuh, sompong dan tidak menguntungkan rakyat, selain dari keluarga dan kuncu-kuncu mereka, mereka akhirnya akan jatuh.'

Umat Islam mengagungkan huruf 'Mim' (M) kerana kita adalah kaum Muslim, nabi kita, kekasih Allah adalah Nabi Muhammad. Kerana itu saya percaya para pemimpin Islam yang namanya bermula dengan huruf MIM, kalau mereka menjadi umat Muhammad yang baik, yang taat kepada Allah dan ajaran Rasul bukan sahaja akan mendapat keuntungan di

dunia tapi juga di akhirat.

Umat Muhammad mesti kasihkan saudara-saudara mereka, mesti ada perasaan fardhu kifayah. Orang yang mengakui dirinya umat Muhammad, tidak boleh memusuhi sesama Muslim, kerana kala di dunia kita tidak bersatu, di akhirat nanti kita tetap akan bertemu. Allah tidak akan mengampunkan dosa yang kita buat terhadap sesama manusia.

Kekuatan UMNO juga bergantung kepada huruf Mim, 'M', Melayu. Adanya semangat Melayu maka tertubuhlah UMNO. Melan Abdullah bekas Pengarang akhbar Utusan Melayu adalah orang yang bertanggung jawab mempengaruhi Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj masuk memimpin UMNO.

Melan, juga 'M' adalah orang yang membuat ucapan untuk Tunku apabila pertama kali beliau dilantik menjadi Presiden UMNO. Ramai orang tahu Tunku Abdul Rahman kurang senang kepada kedua-dua 'M', Mahathir dan Musa kerana tahun 1969 adalah tahun Ayam Jaguh. Mereka berdua ini telah menang sorak.

Tunku mendapat tentangan hebat, hingga akhirnya beliau jatuh. Pada firasat saya, tahun ini Mahathir dan Musa bukan sahaja akan menang sabung, tapi juga akan menang sorak. Jangan lupa perangai ayam jaguh! Yang pernah kalah tidak akan berdiam diri menerima kekalahan. Ayam jaguh akan cuba melawan semula. Apakah Tunku akan melawan Mahathir dan Musa tahun ini sama ada secara

senyap-senyap atau secara terbuka?

Tahun ini adalah Tahun Sabung, antara R lawan M, seperti yang pernah berlaku di tahun 1969, Rahman lawan Mahathir lawan Musa dan kini Razaleigh lawan Musa. Di Johor Tengku Mahmood jadi Sultan, kerana sudah suratan kehendak Allah begitu.

Adinda Baginda Tengku Abdul Rahman yang dulunya bergelar Tengku Mahkota, sekarang jadi Tengku Bendahara. Ini contoh pangkal ‘Mim’ yang telah membawa tuah. Percaya atau tidak, tinjau dan selidiklah sendiri!.

Malaysia menjadi aman makmur bila Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak memimpin negara, kerana mereka bersesuaian. Apa kata kepala begitulah kata ekor. Pada permulaannya lagi mereka yang datang seja sekata. Tun sentiasa menghormati dan patuh pada pemimpin dari istana itu.

Orang lebih senang bekerja dengan orang yang mereka senangi. Zaman ‘2R’ sudah berlalu. Sekarang zaman ‘2 MIM’ tiba pula. Hadith Rasullullah, ‘Ajarlah anak-anak kamu mengikut zaman mereka, bukan zaman kamu.’ Zaman ini dua pemimpin sealiran datang dari rakyat, bersemangat rakyat, antara satu dengan lain tidak perlu sanjung menyanjung.

Dulunya, seorang Rahman, seorang Razak. Kedua-duanya adalah nama Tuhan yang diambil dari Asma Ul Husna. Nama-nama yang membawa tuah pada ketika itu ialah milik

orang-orang yang berpunca dengan ‘R’. Begitu juga mereka yang menumpang di bawah dagu orang yang mempunyai nama yang bermula dengan huruf ‘R’. Sekarang Tunku sudah tua, sudah bersara. Rehat sahaja-lah dalam masjid. Rehat ‘R’ akan mententramkan jiwanya.

Tahun ini orang-orang yang namanya bermula dengan huruf ‘Mim’ akan merupakan orang-orang yang bertuah dan membawa tuah. Sebagai contoh dua Sultan di Malaysia bernanung di bawah huruf ‘Mim’ iaitu D.Y.M.M. Sultan Johor dan Sultan Trengganu.

Dan dalam tahun ini juga kita mula saksikan kebangkitan semangat Muslim dan semangat Melayu. ‘Mim’, Nabi Muhammad dilahirkan di Madinah, kemudian berhijrah ke Mekah dan seterusnya Islam berkembang meluas ke seluruh dunia dan semesta, termasuklah Tanah Melayu.

Inilah pendapat saya mengapa Datuk Musa akan menjadi pilihan ramai orang-orang UMNO. Tetapi sama ada beliau akan dijodohkan dengan Dr. Mahathir atau tidak, Allah saja yang maha mengetahui. Kita tidak tahu. Biar apa pun terjadi, cinta kasih mereka tidak dapat dipisahkan. Mahathir dan Musa adalah dua nama yang indah dan seirama. Dua nama yang akan terus menjadi sebutan rakyat jelata.

Ramai yang tahu apa yang akan berlaku, tapi takut hendak memperkatakan apa yang mereka tahu itu. Setiap orang ada masalah-

nya sendiri. Maklum sahajalah, mereka fikir, 'Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati tersepit.' Dan siapa yang berani berterus terang menyokong salah seorang dari mereka?

Bagi saya, saya akan menulis apa yang saya tahu, berdasarkan kepada falsafah 'Kita tidak perlu kenal siapa yang berkata, untuk terpengaruh pada yang dikata, kerana asal saja apa yang kita dengar itu termasuk di akal kita, kita bukan sahaja akan percaya, tetapi kita tidak akan lupa. Lebih-lebih lagi kalau apa yang dikatakan itu adalah satu kenyataan. Satu teori yang boleh dibuktikan.'

Kekalahan USNO di Sabah juga, adalah kerana mereka menolak kehadiran Tun Mustapha (lagi seorang Mim) bertanding di Pilihanraya yang lalu. Kesal dahulu pendaftaran, kesal kemudian tiada gunanya.

Dalam negara kita hari ini kebangkitan Mahathir dan Musa merupakan kebangkitan tokoh-tokoh yang berani merubah keadaan. Mereka tidak takut menghadapi cabaran dan tentangan. Mereka akan membawa perubahan seperti yang telah mereka tunjukkan.

Mereka adalah tokoh-tokoh yang pernah menentang, pernah tersingkir dan pernah merasa pahit maung perjuangan mereka. Politik adalah perjuangan. Orang yang sanggup mempertaruhkan kedudukan dan nyawa sahaja yang boleh dianggap pejuang, dan layak menjadi pemimpin.

D.Y.M.M Sultan Mahmood yang baru sahaja ditabalkan sebagai Sultan Johor, baru-

baru ini telah mencatatkan sejarah di mana baginda dengan berani telah tampil ke depan menjadi Khatib, berkhutbah dalam masjid.

Ini membuktikan apa yang saya sebutkan tadi bahawa orang yang namanya bermula dengan huruf ‘Mim’, maksud saya para pemimpin, akan menjadi tumpuan dan perhatian umum. Kemunculan mereka amat ditakuti, dan akan ada gulungan akan membuat apa saja, membelanjakan seberapa banyak wang ringgit untuk menewaskan mereka.

Biar bagaimana pun, kepada mereka yang sukakan perubahan, dan tidak takut dengan bayang-bayang sendiri. Tahun ayam jaguh yang secara kebetulan jatuh pada tahun Hijrah ini, akan menerima perubahan. Tiada siapa yang dapat menyekat kebangkitan ‘Mim’. Tiada siapa yang dapat menghalang, melainkan kekuasaan Allah.

Samada kita mahu mengakuinya atau tidak, sama ada kita suka atau tidak, kita dipengaruhi oleh alam cekrawala, bulan, bintang dan matahari. Manusia tidak berkuasa, melainkan Allah. Tidak akan mulia orang yang dimusuhi Allah, dan tidak akan hina orang yang dimuliakan Allah.

Perkara yang berkaitan dengan huruf ‘Mim’ yang saya tulis ini, untuk nama para pemimpin sahaja, bukan untuk rakyat jelata dan umum keseluruhannya. Telek menelek adalah mainan dunia. “Man’s proposal, God’s disposal.” Manusia boleh meramal tetapi Allah sahaja yang menentukannya.



TENGKU MAHMOOD ISKANDAR  
D.Y.M.M. Baginda Sultan Johor.



MENTERI Pelajaran Datuk Musa Hitam sedang berbincang sesuatu kepada Baginda Sultan Johor, ketika beliau mengadap Baginda Sultan, di Istana Iskandariah Johor Bahru.



MENTERI Pelajaran, Datuk Musa Hitam (kanan) berbual dengan Sultan Johor (berbaju bintik) semasa beliau mengunjungi istana Sultan di Johor Bahru.

## Amanat dari Bukit Siren

SEDANG umat Islam sekarang berada di zaman kebangkitan yang amat membanggakan, banyak pihak yang sama-sama membersihkan lorong dan jalan ke arah ini bagi memudahkan lagi pencapaian matlamat Islam.

Perjuangan kebenaran Islam yang kini selalu diistilahkan sebagai 'Struggle for Freedom' walau bagaimana pun masih tidak dapat kita terhindarkan dari berbagai rintangan. Dan walau pun ramai mereka yang berjuang tetapi mereka tidak seharusnya pula tertipu oleh adanya golongan-golongan yang mencari helah politik dengan memperalatkan agama. Sayangnya masih juga kedapatan di antara mereka ini yang telah tertipu dengan helah mainan politik itu.

Lanjutan dari timbulnya rintangan-rintangan ini terbitlah beberapa jenis 'isem' yang, kononnya sejajar dengan perkembangan dan

kesucian Islam itu sendiri, tetapi yang sebenarnya adalah sebaliknya.

Dalam kita banyak memperkatakan tentang kemungkaran dan maksiat yang semakin melanda negara ini, semasa itulah kita seakan telah dikurnia dan dianugerahkan oleh Allah s.w.t. dengan meletakkan di tengah-tengah masyarakat Islam negara kita hari ini seorang putera raja yang telah membuktikan kemampuannya sebagai Amir kepada rakyat Baginda.

Kemangkatan ayahanda Baginda pada 10 Mei, 1981 adalah mulanya satu titik sejarah dalam memperkatakan tentang Kesultanan Melayu selepas negara ini mencapai kemerdekaannya. Sultan Mahmud Iskandar Alhaj, setelah lima hari tertabal sebagai Sultan Johor, pada 15 Mei 1981, telah membuktikan kepada umat Islam di negeri Johor bahawa sudah sememangnya layaklah Baginda menterajui negeri tersebut sebagai seorang Sultan, kerana kewibawaan Baginda dan sudah cukuplah sifat-sifat yang dituntut oleh Islam bagi seorang ketua negeri untuk menjadi Imam kepada rakyatnya.

Kesyukuran rakyat Islam negeri Johor juga diikuti sama ghairahnya oleh lain-lain umat Islam di keseluruhan negara ini.

Dalam suasana kebangkitan Islam sebagaimana yang saya catetkan, ketika inilah bermulanya satu era baru dalam semangat perjuangan Islam negara ini.

Kemunculan Baginda mewarisi singgahsana takhta kerajaan Johor, menandakan

akan wujudnya satu persefahaman keagamaan yang lebih mendalam di hati sanubari rakyat dan umat Islam seluruhnya, dan sejarah ini telah pun bermula.

Tanggal 15 Mei 1981, tetap akan dikenang. Umat Islam di Johor dan pendengar radio seluruh negara tetap akan ingat. Sultan Mahmud mencatat sejarah perjuangan Islam di Malaysia.

Tengah hari tersebut, hari Jumaat, keberangkatan tiba Baginda ke Mesjid Abu Bakar Johor Bharu telah dinantikan oleh ribuan umat Islam termasuk pemimpin negara dan negeri. Dengan hemah yang tinggi, sopan santun yang mulia, Baginda Sultan Johor telah naik ke mimbar untuk menjadi Khatib membaca khutbah di hari Jumaat yang mulia itu.

Mulai dari hari itulah rakyat umum dan masyarakat Islam sentiasa menjadikan Baginda sebagai contoh yang paling baik apabila mereka memperkatakan tentang agama Islam. Rakyat mengakui bahawa tidak ada sebab mengapa sistem pemerintahan Islam yang lebih adil tidak dapat diwujudkan.

Terbukti jelas bahawa Sultan Mahmud sekarang telah lebih mirip dan condong ke arah pentadbiran kerajaan yang banyak mencontohi prinsip-prinsip dan konsep pemerintahan Islam yang dilakukan oleh Saidina Omar Al Khatab, semasa Baginda menjadi Khalifah yang lebih mementingkan sikap berani kerana benar, tegas dengan keputusan,

ikhlas dalam serba serbi pekerjaan dan tindakan, beserta dengan keluhuran dan hati yang mulia.

Kebangkitan semangat Islam dalam diri Baginda semestinya telah terbit lama. Ini dapat kita analisa dari khutbah baginda di setiap Jumaat. Kebenaran dan ketepatan titah baginda semasa membaca khutbah memperlihatkan kepada kita betapa tingginya kajian dan dalamnya pengetahuan keagamaan yang dianuti oleh Baginda.

Walau pun dalam masa sibuknya, sejak baginda menjadi Raja Muda lagi minat Baginda dalam Islam telah mula bercambah. Masa yang terluang banyak dipergunakan untuk mempelajari agama Islam. Banyak tokoh agama yang didampingi Baginda termasuklah Kadhi Haji Mohd Shah (kini Allahyarham) dan Kiai Datuk Haji Shamsuddin dari Muar.

Hanya orang yang berminat sahaja menyukai melakukan sesuatu yang dikerjakannya. Begitu juga dengan Sultan Mahmud yang mempelajari agama di istana, sehingga lah Baginda sebenarnya seorang Imam kepada rakyat Johor.

Kebangkitan ini seharusnya mempertandakan pemberhentian pertikaian politik yang menggunakan pengaruh agama di negara ini kerana hanya Imam itulah yang berhak membuat keputusan tentang kemungkaran dan kebenaran agama Islam itu sendiri.

Saya jangkakan setiap rakyat yang benci-

kan sebarang bentuk kemungkaran dan mak-siat seharusnya menyanjung tinggi kebolehan dan semangat Islam yang terdapat pada diri Baginda. Sambil itu umat Islam di negeri Johor dan rakyat negara ini seluruhnya semestinya mengambil Baginda sebagai contoh yang paling baik bagi menjadikannya sebagai cabaran ke arah mencapai kecenderungan besar untuk pencapaian yang ber-landaskan Islam yang di dorong secara lang-sung oleh seorang pemimpin seperti Baginda.



## Ugut Mengugut, Siapa yang binasa

PRESIDEN Amerika Syarikat yang ke 16, mendiang Abraham Lincoln, tidak pernah melahirkan pendapat-pendapatnya sebelum beliau diistiharkan sebagai Presiden. Setelah ia dipilih barulah dia menyatakan perjuangannya untuk membebaskan perhambaan.

Apakah bila seorang pemimpin yang pandai membuat perhitungan dan suka mengelakkan diri dari suasana mencabar itu bererti pemimpin itu penakut, tidak jujur?

Manusia yang bijak sentiasa berhati-hati dan berwaspada dalam apa juga tindak-tanduk perbuatan dan fikirannya. Kita tidak lagi mahu semua pemimpin kita yang bijaksana dan berani terjerat, dan teraniaya menjadi mangsa keadaan.

Apakah ketika Datuk Musa menolak jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO bagi menggantikan Datuk Harun Idris bererti beliau tidak seperjuangan, tidak kasihkan Datuk Harun? Apakah dengan cara ini bererti Datuk Musa pengecut? Mahu dan relakah kita melihat pemimpin seperti Datuk Musa akan berlaku membabi buta menunjukkan keberanian-

nya sehingga beliau akan terjerat dan teraniaya seperti Datuk Harun? Sewajarnyalah Datuk Musa berlaku begitu kerana, '*Lebih baik kita berundur selangkah daripada mara setapak jika kemaraan kita itu akan berhadapan dengan kebancuran.*'

Andaiannya ini terjadi, dan Datuk Musa ditakdirkan terjerat mampukah kita mencipta dengan serta-merta seorang lain untuk mengantikannya atau dapatkah mesej perjuangan dan semangat kemelayuannya itu terus diper tanggungjawabkan kepada orang lain? Sekurang-kurangnya dengan adanya ideologi sebegini yang wujud dalam jiwa Musa Hitam masih ada juga segan silu orang luar UMNO kepada orang Melayu, seperti kukuhnya rasa segan silu mereka ketika UMNO masih mempunyai Allahyarham Tun Dr. Ismail dan Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar. Kaum imigren tidak segan dan bimbang dengan pemimpin UMNO yang hidupnya lebih keChinaan. Tukang masak, koki, orang gaji, amah, penjaga rumah. Dan segala rahsia berkenaan rumah tangga dan hidupnya dipegang oleh China. Dan ini yang terjadi sekarang. Tetapi pemimpin yang demikian kononnya inginkan perjuangan Melayu sedangkan kepercayaannya terhadap orang Melayu tidak ada! Macam mana pemimpin macam ini hendak menjaga kepentingan Melayu.

Dalam satu temuramah dengan Datuk Musa, beliau secara spontan mengakui hakikat kemelayuannya. Kerana dia orang Melayu. Baginya keselamatan negara ini adalah tergantung atas dasar kecintaan terhadap Melayu sejajar dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru. Biar pun orang China dari Gerakan atau MCA sendiri mengatakan Datuk Musa anti China dan anti-bukan Melayu, Datuk Musa akur dengan kata-kata ini. Bermulanya beliau menjadi Pengurus FELDA dan menjadi Menteri Perusahaan Utama, beliau dihadapkan dengan masalah kemiskinan dan penindasan yang dihadapi orang Melayu. Melalui FELDA lah beliau mula memperjuangkan secara total nasib Melayu di samping beliau menekankan dan memperjuangkan nasib pekebun-pekebun kecil semasa sudah menjadi Menteri Perusahaan Utama dahulu.

Sikap hakiki memperjuangkan nasib Melayu dengan mengenepikan kelulusan penubuhan Universiti Merdeka telah menjadi satu legenda dan sejarah di Malaysia, penolakkannya untuk tertubuhnya Universiti Merdeka menjadikan manusia Musa Hitam dipandang sepi oleh rakyat keturunan China beserta dengan pemimpin politik MCA dan Gerakan sendiri. Dia lebih menampakkan taringnya, konon lebih anti-China. Dan orang imigren sekarang merasakan Datuk Musa jagoan Melayu sudah tepat. Saya rumuskan Datuk Musa Hitam

telah menepati syarat utama beliau menjadi pemimpin seperti kata 'Credit is yours, the risk is mine' yang bermaksud, apa juga sambungan, pujian adalah hak kamu, apa juga caci dan cela berikan saya menerimanya.' Dan kerana kepentingan kaum Bumiputera keturunan Melayu tadilah maka apa yang di perjuangkan oleh Datuk Musa menjadikan dia seorang Menteri yang telah diseret ke Mahkamah dalam isu Universiti Merdeka, yang saya fikir semua manusia Malaysia dan antarabangsa banyak pula mengetahuinya.

Mahukah kita pemimpin-pemimpin seperti Datuk Musa yang merupakan harapan orang Melayu ini hilang dari politik UMNO sedangkan negara amat mementingkan kaliber dan kematangan pimpinan golongan muda seperti ini kerana kita semua tahu Datuk Harun sudah tua dan sudah masuk dalam jerat.

Ketika merasmikan Kursus Politik Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di Stadium Datuk Sheikh Omar, Alor Setar pada 12 Jun 81 baru-baru ini antara lain Datuk Seri Dr. Mahathir menyarankan, 'Kerajaan campuran Barisan Nasional tidak akan kekal memerintah negara ini jika UMNO yang menjadi teras dan tulang belakangnya tidak kukuh dan kuat.' Sambil itu masih teringat juga saya kepada kata-kata beliau selanjutnya dalam ucapan bersejarah dan merupakan ucapan penting itu. Amanat

beliau dapat saya rakamkan seperti berikut “Kerajaan akan hancur sekiranya semua parti yang bergabung dalam kerajaan campuran itu sama-sama kuat kerana sudah pasti perebutan kuasa tidak dapat dielakkan.”

Seharusnya jika kita teliti secara terperinci apa yang terkandung dalam ucapan bakal PM Malaysia itu dapat kita merumuskan bahawa dalam masalah UMNO sekarang masih amat diperlukan tenaga untuk terus memperkuatkan parti UMNO itu sendiri. Sambil itu seakan-akan beliau menampakkan kepada kita betapa besarnya risiko yang akan orang Melayu hadapi sekiranya tenaga kepimpinan Melayu yang bersemangat kemelayuan tidak dihidupkan. Dan kualiti yang diperlukan untuk menggerakkan tenaga itu selepas ada pada Datuk Harun orang yang paling layak ialah Datuk Musa sendiri. Di sinilah saya rasakan perlunya Datuk Musa berada dalam pucuk pimpinan parti. Ketahanan politik yang matang, kekuatan politik UMNO perlulah digembelingkan dahulu sehingga kita benar-benar dapat menjamin bahawa UMNO akan terus menjadi pemerintah di negara ini. Kalau UMNO lemah, kalau UMNO jadi suara minoriti di Parlimen, bagaimana akan kita seimbangkan ekonomi Melayu itu? Ini persoalan yang perlu kita teliti dahulu.

Berlakunya pula peristiwa berdarah 13 Mei di tahun ayam jaguh, 1969 ialah kerana ada golongan yang merasakan mereka sudah kuat. Baranya sekarang sudah mula terasa bila mereka sudah mula meminta-minta hak mereka kalau pun tidak melebihi hak orang Melayu, buat permulaan, kemudian setanding. Mereka sudah sedia tahu, sudah termaalum kepada mereka bahawa UMNO miskin, kalau tidak ada duit orang China (MCA) UMNO bakal tidak ada rumahnya sendiri. Dengan perantaraan para pemimpin UMNO yang boleh dipengaruhi dan dikaburi atau dikelabui matanya, mereka akan menguasai UMNO.

Apakah setelah 23 tahun kita mencapai kemerdekaan masih lagi kita takut digembargemburkan atau takut dengan perkataan-perkataan 'extremist', 'leftist', seperti mana kita ditakut-takutkan dan dimomok-momokkan dengan perkataan-perkataan 'durhaka', 'daulat' di zaman penjajah dulu. Apakah kerana sifat-sifat yang demikian juga ada pada diri Tun Razak dahulu makanya sebelum beliau dilantik menjadi PM, banyak sura sumbang yang tak merestuinya konon Allahyarham Tun Razak juga adalah anti China. Tetapi setelah dia menjadi PM, Tun Razak banyak menampakkan tugas-tugas dan ciri perjuangannya yang benar untuk kepentingan bersama.


UMNO berjuang setelah diwujudkan dengan semangat kecintaan terhadap orang Melayu dan Agama Islam. UMNO berjuang untuk kepentingan-kepentingan Bumiputera khasnya keturunan Melayu. Kuasa politik orang Melayu bukan bertujuan untuk menjadikan mereka satu golongan untuk menekan kaum lain, tetapi semata-mata untuk mengelakkan negara dan kerajaan serta bangsa Melayu dari menemui kehancuran.

Dari itu ahli-ahli UMNO tidak patut membiarkan diri mereka di peralatkan, jauh sekali dari dibeli. Biar pun saya bukan orang UMNO atau ahli kepada mana-mana parti politik, tapi saya tidak rela membiarkan pemimpin yang bersemangat Melayu menjadi mangsa segolongan pemimpin yang terlalu materialistik. Saya rela menjadi korban keadaan dan dilabelkan sebagai 'penulis leftis' atau orang dua 'M' dari membiarkan pemimpin negara yang berani tegas jujur dan bijaksana menjadi korban. Bukan senang hendak mendapat dan mencari pemimpin UMNO yang boleh dapat gelaran 'Pejuang Radikal' dan 'Pemimpin freedom Fighters'.

Tengku Razaleigh jadi kuat dan berpengaruh kerana menjawat Kementerian Kewangan, jaga duit. Siapa pun juga yang duduk di situ boleh jadi kuat. Apakah Malaysia ketandusan pakar ekonominya dari keturunan Melayu yang boleh dilantik untuk Menteri Kewangan.

Tidak dinafikan bahawa Tengku Razaleigh pun ada membawa perubahan kepada penyertaan orang-orang Melayu dalam perdagangan dan perindustrian melalui ajensi-ajensi kerajaan yang telah lama tertubuh. Tetapi MCA yang melalui Koperasi Serbagunanya atau KSMnya sudah menjadi macam gergasi dengan kekuatan yang sudah boleh menelan orang Melayu. Tapi kejayaan orang China tidak pernah mendapat perhatian dan tempat di dada-dada akhbar Melayu. Cerita orang Melayu yang dapat satu dua juta sahaja yang dihebukan. Cerita orang Melayu sudah 100 orang jutawan yang dibangga-banggakan. Kisah orang China yang sudah berjuta jadi jutawan atau laksawan tidak mahu disebut. Ahli-ahli UMNO seolah-olah tidak tahu atau memang sahaja tidak mahu ambil tahu, yang mereka cuma diberi gula-gula sahaja. Kerana ini adalah mainan politik, dan ini juga adalah mainan kapitalis, orang berduit.





**Y.A.B. Datuk Rais Yatim, Menteri Besar Negeri Sembilan  
Calon Harapan Naib Presiden UMNO**

## Kalau Sudah Suratan

DENGAN terwujudnya 'Barisan Pelapis' ianya juga akan merenggangkan atau mengurangkan lagi keadaan teraba-raba pucuk pimpinan parti dalam usaha mendapatkan tenaga baru yang lebih muda tetapi matang kepimpinannya untuk meneruskan perjuangan parti setelah gulungan ini berundur kelak.

Tatkala Tunku mengundurkan diri dari pucuk pimpinan parti dan Allahyarham Tun Razak mengambil alih tugas-tugasnya, ketika itu mulalah tertonjolnya kepimpinan segulungan orang-orang muda UMNO yang dipaparkan dan dikemukakan kepada ahli-ahli keseluruhannya untuk membuat pilihan mereka.

Ketika inilah ditonjolkan nama-nama seperti Datuk Musa Hitam, Datuk Seri Dr. Mahathir Muhammad, Ikhwan Nasir dan

beberapa orang lain diperingkat Bahagian dan pusat, termasuklah Datuk Mat Rais Yatim dan Abdullah Haji Ahmad.

Tahun ini akan mencipta lagi pembaharuan yang lebih matang, lebih ramai lagi tokoh-tokoh Pelapis muda yang akan muncul. Antara orang muda yang akan bernaung di bawah tuah 2 M (atau Mim) ini ialah Dato' Rais kerana Dato' Rais sendiri bernaung didalam kalimah Mim sejajar nama beliau Mat Rais bin Yatim.

Jika di masa Allahyarham Tun menjadi Perdana Menteri, Dato Rais diberikan amanah sebagai Setiausaha Parlimen yang kemudianya melayakkan beliau menjadi Timbalan Menteri Undang-undang, memang kenalah tempatnya beliau diberikan kepercayaan oleh Datuk Hussein Onn meletakkan beliau sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan

Sikap rendah diri, menghormati gulungan yang lebih tua darinya adalah merupakan cara hidup hari-hari Datuk Rais. Tidak hairanlah kalau beliau disayangi oleh segenap lapisan rakyat dinegerinya.

Namun begitu masih ada juga kekurangan dalam pilihan tersebut dahulu. Dato' Rais lebih dikehendaki oleh rakyat Malaysia keseluruhannya. Masyarakat Melayu rata-rata di seluruh tanah air masih kepinginkan bakti dan kepimpinan beliau, bukan hanya untuk negeri tempat lahirnya sahaja, Negeri Sembilan.

Apakah masih belum terbukti kepimpinan

beliau? Tidak menasabah. Tidak perlu ada ‘test case’ atau ‘experiment’ terhadap kepimpinan dan kebolehan beliau. Dari seorang peguam beliau telah menampakkan dan membuktikan dirinya sebagai seorang pentadbir negeri yang baik. Saya kira pembukaan era baru dalam kepimpinan UMNO dalam Perhimpunan Agungnya ke 32 pada 26 Jun nanti, sewajarnyalah ahli UMNO memikirkan tempat yang sebaik-baiknya buat Dato’ Rais.

Dalam kontek ini Dr. Mahathir tentu bijak bertindak. Tempat yang bijak bagi Dato’ Rais ialah sebagai orang nombor tiga dalam parti. Kemenangannya sebagai salah seorang dari Naib Presiden parti adalah merupakan tekot yang paling baik bagi beliau dikembalikan semula ke kerajaan pusat supaya derma bakti beliau dapat disalurkan kepada semua umat Melayu negara ini.

Seharusnyalah dengan adanya kombinasi baik dalam kabinet nanti, dengan adanya bimbingan dari orang-orang seperti Mahathir dan Musa Hitam tentunya kehadiran Rais Yatim akan menjadikan bertambah baiknya adunan yang ditempa oleh UMNO nanti, dalam usaha pucuk pimpinan dan UMNO keseluruhannya untuk melahirkan satu keadaan yang progressif dan dinamik dalam UMNO.

Dr. Mahathir Muhammad sendiri adalah termasuk dalam gulungan pertengahan umur dalam UMNO, begitu juga dengan Datuk

Musa dan seharusnya kehadiran Dato' Rais sebagai orang nombor 3 akan dapat sama mengimbangi parti UMNO yang mana Dato' Rais dalam istilah ini wajar juga menjadi 'wakil barisan muda' atau Duta Pemuda dalam pucuk pimpinan parti itu sendiri.

Dalam perkara ini, menjadi wakil PP UMNO dalam pucuk pimpinan, Haji Suhaimi bukanlah pilihan yang tepat walau pun beliau telah terlantik sebagai ketua pemuda. Bagi seorang pemimpin yang penting ialah sikap beraninya menghadapi cabaran, dari kawan atau dari lawan. Sikap amanah, jujur dan tidak mementingkan diri sendiri sudah tentulah merupakan asas penting dalam pilihan ini.

Sedangkan penerimaan Haji Suhaimi sebagai Timbalan Menteri adalah satu keadaan yang memerlukan Pemuda UMNO sendiri. Tidak wajar Haji Suhaimi menerima perlantikan tersebut jika beliau benar-benar ingin mencurahkan perjuangan dan baktinya kepada parti. Bahkan Haji Suhaimilah yang paling lantang menentang dasar Ketua Pemuda memegang tumpuk kerajaan.

Apa yang dilakukan oleh Suhaimi hari ini jelas membuktikan kepada kita tentang tidak adanya semangat perjuangan yang gigih pada beliau sebaliknya kerana tidak adanya prinsip perjuangan yang sebenarnya beliau telah menjadi seorang yang hari ini diistilahkan sebagai 'cakap tak serupa bikin.' Lain di mulut lain di hati. Kelantangan suarakan hanya untuk

menang jadi Ketua PP UMNO, bila sudah menang, telah sendiri ikrar dan janji. Mungkin.

Bila bermula kisah Harun, Suhaimi ingin jadi jagoan bela Ketuanya. Bila ditawarkan jawatan, dia lupa tugas sebenar yang diamanahkan oleh Pemuda kepadanya dalam memperjuangkan isu Harun. Bagaimana akan kita terima Haji Suhaimi jadi duta PP UMNO kalau di sini lagi beliau telah menampakkan belangnya, telah menampakkan betapa tidak berbudi dan mengenang jasanya beliau terhadap orang yang telah membimbing dan memimpin beliau sehingga beliau terpilih dahulu.

Begini juga dengan Mokhtar Hashim, beliau pun tidak boleh jadi wakil barisan muda dalam pucuk pimpinan parti. Ini memandangkan beliau juga termasuk dalam gulungan yang menentang ketuanya dalam mana untuk menentang Harun Mokhtar sendiri telah memasuki regu Suhaimi.

Dan kononnya atas jasanya menjadi rakan regu Suhaimilah maka beliau dapat tawaran jadi Menteri, dan akibatnya ternyata adalah Datuk Samad dari Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan yang mana Kementerian ini telah bena bernafas dan hidup dengan adanya Datuk Samad.

Tampilnya Mokhtar Hashim jadi menteri tersebut menampakkan juga kepada kita betapa adanya gulungan muda yang bersedia melawan siapa saja, mahu pun ketuanya

sendiri untuk menaikkan dia.

Kalau sikap begini nyata ada di jiwa sambut pemimpin pemuda, bagaimana harus kita berikan amanah dan kepercayaan untuk menterajui pucuk pimpinan parti itu. Sedangkan kita hari ini lebih pentingkan kehadhiran dan kita juga mahukan orang-orang muda yang bersih perjuangannya, jujur dan ikhlas, tidak sompong dan tidak tamakkan kuasa. Ini yang penting jika kita benar-benar mahu gembeling imej UMNO sebagai parti lapisan masyarakat Melayu itu sendiri.

Kerana ini kita haruslah membaca watak orang yang akan memimpin kita. Kalau kita tidak mahu kesal kemudian hari, kalau kita tidak mahu jadi rumah siap pahat berbunyi, kita kaji hati budi mereka dalam-dalam. Kita mesti tahu siapa pemimpin kita. Kita mesti sudah menilai dahulu sebelum dia kita pilih untuk jadi pemimpin. Kerana kita tidak mahu tersalah pilih, takut kalau kena yang seperti 'Pepat di luar runcing di dalam' atau 'telunjuk lurus, kelingking berkait'.

Setiap undi kita adalah perlu dengan keikhlasan dan sepenuh hati dan jiwa raga kita, kita serahkan kepada mereka. Dan kita juga adalah bertanggung jawab atas undi dan pilihan yang kita berikan padanya.

Tidak dapat kita nafikan betapa pentingnya pepatah yang diwariskan kepada kita 'Tak kenal maka tak cinta.' Seorang pemimpin mesti dikenalkan. Dia mesti dibentuk dan perlu mendapat bimbingan sewajarnya kerana

pemimpin yang kita pilih dan bentuk itulah yang akan mencorakkan dan mewarnakan yang melibatkan kehidupan segenap rakyat. Dan atas rasa kesedaran tentang fakta inilah saya meneliti dan mengkaji tindak tanduk dan kepimpinan serta pribadi Dato' Rais sehingga-nya menulis tentang beliau dan saya percaya pilihan ini adalah pilihan yang tepat.

Insyaallah. Melihat dari kepala, dahi, matanya, dan bentuk serta air mukanya saya per- caya Dato' Mat Rais punya potensi untuk menjadi pemimpin yang berkemampuan setanding dengan lain-lain pemimpin negara lain khasnya untuk menjadi Adam Malik Malaysia.

Salah satu fakta penting yang perlu kita ketahui tentang Dato' Rais ialah kenaikannya ke atas tanpa menjatuhkan orang lain. Beliau tidak pandai untuk melobi, beliau naik dan menempa nama sebagai pemimpin dengan menaiki anak tangga dan kerana taat dan rajinnya beliau menjalankan tugas dan khi- matnya dengan jujur beliau telah mendapat tempat di hati Tun Razak dan Hussein Onn.

Biarlah Dato' Rais akan menjadi seorang pemimpin muda yang akan mencatatkan sejarah, mencorak dan mewarnakan sejarah dengan keberaniannya membawa perubahan untuk kepentingan umum tanpa memikirkan risiko dan kepentingan diri sebagai seorang pemimpin yang mempunyai pendirian dan prinsip hidup.

Sejajar dengan kehendak rakyat yang

mahukan pemimpin dari gulungan rakyat sendiri yang naik keatas menjadi pemimpin bukan kerana pertolongan dan kaitan persaudaraan dengan pemimpin atasan yang lain.

Seharusnya seorang peguam itu bertindak mempertahankan bangsanya sebagaimana juga seorang peguam itu menjalankan kewajipannya di mahkamah. Bezanya, di mahkamah skopnya tidak seluas seperti mana Dato' Rais dipertanggung jawabkan sekarang, untuk keseluruhan negara, dengan bilangan yang lebih besar, untuk kepentingan kesemua orang Melayu.



## Rais, Orang Muda Pilihan

Datuk Rais Yatim adalah antara tujuh orang calon yang turut menanam saham diri untuk dipilih oleh perwakilan dalam Perhimpunan Agung UMNO 26 Jun ini bagi kerusi Naib Presiden UMNO.

Menjelang hari penentuan itu berbagai ramalan menghiasi dada-dada akhbar termasuk tilikan nujum-nujum politik yang ghairah mengikuti perkembangan ini.

Datuk Rais merupakan calon dari barisan pelapis atau angkatan muda yang bersaing rapat dengan tokoh-tokoh veteran lain untuk membuktikan ‘golongan muda mampu bekerja jika diberi peluang.’

Jika Datuk Rais terpilih menduduki kerusi Naib Presiden dia semakin hampir ke matlamat kedudukan lebih tinggi. Dari segi peluang untuk meningkat lebih baik dari Haji Suhaimi atau Datuk Mokhtar Hashim.

Sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Rais dalam sesingkat waktu banyak menjalankan projek-projek rakyat yang terbukti mendapat perhatian semua pihak.

Berbanding dengan tiga orang tokoh muda yang dilantik oleh Datuk Hussein Onn untuk mentadbir negeri-negeri, Datuk Rais merupakan tokoh tetap pilihan Perdana Menteri.

Datuk Rais naik dari grassroot, bukannya seperti setengah tokoh yang datang dari atas, atau dengan ertikata lain ditonjol secara mendadak.

Teman-teman seperjuangan kini berhadapan dengan berbagai rintangan. Dengan perkembangan ini boleh menguntungkan musuh-musuh UMNO terutama parti opposisi.

Sebagai contoh di Melaka, En. Adib Adam berhadapan dengan pengikut-pengikut Datuk Ghani Ali dan En. Ghaffar Baba yang sensitif. Sebagai muka baru dalam politik Melaka. En. Adib terdedah kepada sepak terjang politik negeri tempat lahirnya lajenda Hang Tuah.

Apakah En. Adib dapat mewarisi ilmu-ilmu seperti yang Hang Tuah warisi ataupun dia akan menjadi Hang Jebat yang akhirnya mati dibunuh oleh sahabatnya?

Tidak mudah mahu mengenepikan pengaruh En. Ghaffar di Melaka. Dalam suasana politik negeri sekarang En. Adib terpaksa berhati-hati, pukul ular kayu tidak patah ular mesti mati.

Masalah besar konon dihadapi mereka

ialah cara mana mahu menyakinkan golongan veteran di Melaka bahawa kedudukan mereka terjamin sekalipun peranan golongan ini tidaklah banyak menguntungkan Melaka.

En. Rahim Bakar, seorang intelektual muda dipersetujui oleh Datuk Hussein mengambil alih pemerintahan negeri Pahang dari tokoh veteren.

Tetapi akhir-akhir ini En. Rahim menjadi punca kontroversi yang boleh mencetuskan krisis perlembagaan andainya formula penyelesaian tidak difikirkan oleh pucuk pimpinan UMNO.

Jika En. Rahim gagal di Pahang orang yang terpaksa membayar harga kegagalan itu ialah Datuk Hussein. Perdana Menteri dulu lagi diyakinkan bahawa En. Rahim bukanlah tokoh yang sesuai untuk Pahang.

Bagaimanapun Datuk Hussein tidak mahu mendengar nasihat tokoh-tokoh UMNO Pahang dan En. Rahim dalam beberapa siri ucapan membangkitkan dia tidak datang dari UMNO tapi dilantik oleh Datuk Hussein.

Maksudnya kalau UMNO tidak mahukan dia mereka tidak boleh berbuat apa-apa kecuali keputusan muktamad Datuk Hussein.

En. Rahim sering ditarikhkan sebagai angkatan muda yang tidak senang dengan tindak tanduk pihak istana. Di Pahang rakyat tanpa selindung lagi mengetahui cerita disebalik berita En. Rahim tidak sealiran dengan pihak istana.

Dalam pemilihan tokoh-tokoh menjadi

menteri kabinet satu macam pengharapan timbul di kalangan pejuang parti.

Pengharapan itu kadangkala, malah lumrahnya menghampaskan banyak pihak.

Contoh paling dekat ialah penyusunan kabinet Datuk Hussein Onn tidak lama dulu yang bagi setengah pihak menimbulkan kontroversi.

Orang memerhatikan betapa Ketua Pergerakan Pemuda, UMNO Malaysia, Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin tiba-tiba dilantik menjadi Timbalan Menteri dalam penyusunan baru kabinetnya.

Dari perhatian umum, Haji Suhaimi masih tidak dapat menandingi setengah tokoh pemimpin veteran yang dalam aspek-aspek tertentu boleh dikenangkan jasanya.

Datuk Hussein Onn harus melihat ini untuk menjaga kehormonian dalam parti.

Adalah suatu yang amat merugikan jika pemimpin yang banyak berjasa itu diketepikan. Lebih-lebih lagi kalau pada dasarnya beliau dijanjikan status tertentu oleh pucuk pimpinan parti.

Bukanlah maksud saya untuk menimbulkan Ahli Parlimen Setapak yang juga Ketua UMNO Bahagian Setapak, Haji Idris Ibrahim atau bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Ghani Ali yang konon pernah dijanjikan dengan suatu status di dalam kerier politiknya yang mengakhiri babak-babak politiknya dalam dilema.

Haji Idris Ibrahim masih aktif dan sedang

berusaha meneruskan perjuangannya ke arah membela nasib kaum Melayu.

Kaliber kepimpinannya masih boleh dipertimbangkan bagi menduduki kerusi Menteri Besar Negeri Sembilan umpamanya sekiranya perhatian lebih serius meletakkan Datuk Rais dikerusi kabinet Kerajaan Pusat diberikan.

Apa yang penting dalam kontek ini, keberanian pemimpin memperjuangkan kebenaran tidak seharusnya dijadikan mangsa politik oleh tokoh yang mengambil alih kuasa negara nanti.

. Apa yang terjadi dalam era politik Datuk Ghani atau kekecewaan Haji Idris Ibrahim terhadap janji status politiknya tidak seharusnya berulang lagi dalam penyusunan kabinet baru nanti dalam pucuk pimpinan barunya nanti.

Walaupun En. Rais menghadapi masalah penentangan adat apabila dia terlibat mencampuri urusan perlantikan Undang Luak Jelebu tahun lalu namun perkara itu tidaklah serius.

Pada mula menyulitkan kedudukan Datuk Rais untuk mententeramkan fahaman golongan beradat tapi akhirnya perkara itu mati begitu saja.

Boleh jadi masih ada golongan kurang senang cara penglibatannya melantik Undang Jelebu tapi pepatah Melayu biar mati anak jangan mati adat lama kelamaan mulai ditinggalkan untuk catitan sejarah saja.

Dalam beberapa peristiwa sekembalinya Datuk Rais ke Negeri Sembilan banyak menukar wajah negeri tersebut dan memberikan satu kepimpinan yang selama ini diharap-harapkan.

Datuk Rais dikira lebih berjaya dari Datuk Mansor Othman, bekas Menteri Besar Negeri Sembilan.

Bila Datuk Rais mengumumkan penyerataannya dalam pemilihan Naib Presiden berbagai tanggapan dapat disimpulkan.

Ada tanda-tanda kemenangan Datuk Rais oleh mendorongkan Datuk Sri Dr. Mahathir untuk membawa masuk semula beliau ke dalam kabinet di Kuala Lumpur untuk memegang jawatan lebih penting.

Kembalinya Datuk Rais ke Kuala Lumpur boleh menguatkan kabinet Datuk Sri Dr. Mahathir untuk menghadapi cabaran dekad 18an yang tanpa hitung lagi dipenuhi cabaran dan rintangan yang bersimpang siur.

Tenaga veteran dalam kabinet nampaknya akan berundur atas sebab-sebab tertentu termasuk faktor umur dan kesihatan sebagai memberi tempat untuk barisan baru.

Mengambil muka-muka baru memegang portfolio penting negara boleh menyulitkan Datuk Seri Dr. Mahathir untuk mengukuhkan jentera pentadbiran negara. Datuk Seri Dr. Mahathir tentu mahu lebih berjaya dari Tun Razak atau Tunku Abdul Rahman.

Kedudukan ekonomi negara dan soal keselamatan sangat penting untuk kestabilan

Malaysia, tanpa kestabilan tersebut politik negara akan berkocak lagi.

Jika demikian jawatan manakah sesuai bagi Datuk Rais kiranya usaha mengembalikan beliau ke Kuala Lumpur berhasil?

Boleh jadi perkara menggantikan tempat Tan Sri Ghazali Shafie bagi jawatan Menteri dalam Negeri tidak terlintas dikepala orang ramai. Tapi Datuk Dr. Mahathir mempunyai kuasa untuk melantik sesiapa saja mengikut kuasanya seperti dia melantik En. Sanusi Junid bagi jawatan Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Beberapa perkembangan nampaknya Tan Sri Ghazali Shafie akan berundur dari kabinet tetapi bukanlah setahun dua ini. Usianya semakin meningkat dan tentu tokoh yang terkemuka ini mahu menghabiskan waktuwaktu tua berehat.

Andainya dia tidak bersara tapi Tan Sri Ghazali patut dipertimbangkan untuk menggantikan tempat Tengku Ahmad Rithaudeen. Sebagai Menteri Luar, Tan Sri Ghazali dapat memulihkan imej Malaysia yang merosot dikaca mata dunia antarabangsa.

Malaysia akan muncul sebagai sebuah negara termashur di rantau ini dan dunia sebelah sini semula jika Tan Sri Ghazali memainkan peranan 'roving diplomat' bagi pihak Malaysia.

Imej Malaysia sejak kebelakangan ini sangat merosot, sebaliknya Singapura dan Filipina pula upaya menandingi Malaysia

dari segi itu.

Orang yang difikirkan layak untuk menjalankan usaha-usaha Tan Sri Ghazali di Kementerian Dalam Negeri sehingga ini ialah Datuk Rais, Datuk Sri Dr. Mahathir juga sesuai tetapi tentu bakal Perdana Menteri itu mahukan jawatan lebih penting, seperti Menteri Pertahanan.

Datuk Rais pernah menjawat Timbalan Menteri Undang-undang dan beliau adalah seorang lulusan undang-undang, salah satu syarat tanpa tulis yang diperlukan.

Sebelum dia melangkah ke Kuala Lumpur semula untuk tugas penting ini dia mestilah membuktikan diri diterima oleh perwakilan untuk menjadi Naib Presiden.

Walaupun ini bukanlah sijil kelayakan tapi dengan kedudukan yang kuat dalam parti suaranya lebih di dengar.

Bagaimana reaksi Pemuda UMNO dalam hal ini? Apakah mereka akan menyokong Datuk Rais, 39 tahun dari Negeri Sembilan ini? . . . . .

Boleh jadi pemuda-pemuda diseluruh negara tidak menentang tetapi bagaimana dengan para pemimpin Pemuda yang sebaris dengan Datuk Rais.

Tidakkah mereka khuatir apabila Datuk Rais duduk nombor tiga dalam parti harapan dia untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri seterusnya Perdana Menteri adalah cerah.

Bagaimana reaksi Datuk Haji Suhaimi dan lain-lain pemimpin Pemuda

senior dari Datuk Rais mengenai pencairanan Datuk Rais?.

Apakah mereka sebagai pemimpin pemuda tidak mempunyai cita-cita menjadi Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri. Jika Datuk Rais menduduki Naib Presiden otomatiknya dia mengatasi Datuk Haji Suhaimi dan dari segi seni-oriti dalam UMNO.

Bagaimanapun orang mula menduga Datuk Rais mempunyai peluang yang cerah untuk menduduki tempat ketiga dalam parti.

Dua orang lagi diduga menang ialah Datuk Senu dan Datuk Harun Idris. Kombinasi Harun - Rais - Senu boleh memperkuatkan UMNO sebagai jawapan kepada cabaran yang ditimbulkan oleh parti pembangkang sejak kebelakangan ini.

Perpaduan bangsa Melayu sekali lagi dapat dilihat jika kombinasi ini terpilih kelak.





Timbalan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir, memotong Ribon untuk siapa? Diperhatikan oleh Tan Sri Kadir Yusof, Datuk Rais Yatim, Puan Sri Aishah Ghani, Idris Ibrahim.  
MUZIUM NEGARA – 6 MEI 1977 DR. MAHATHIR MERESMIKAN PAMERAN ANTI-DADAH KEB.



Seronok nampak perbualan antara Datuk Setia Ghani Ali bekas Ketua Menteri Melaka, dengan Y. A. B. Datuk Sri Dr. Mahathir Timbalan Perdana Menteri, dan kenapa pula Y. A. B. Adib Adam menjauhkan diri aje? peristiwa lawatan Dr. Mahathir ke kilang kelapa sawit "Estate Melayu" Kuala Sungai Baru.



Y.B. Idris Ibrahim

## Cucu Wali Jadi Pemimpin

Haji Idris Ibrahim yang pernah menghantar surat perletakan jawatan kepada Perdana Menteri, Dato Hussein Onn apabila merasakan kepimpinannya di dalam UMNO tidak menggembirakan pucuk pimpinan ketika itu. Menjadi ahli UMNO sejak tahun 1955 lagi, tokoh politik yang disegani dan banyak bercakap tentang masalah orang Melayu dan setinggan Wilayah Persekutuan ketika berucap di Parlimen. Sehingga kerana kepetahanan dan bernasnya pendapat beliau, pernah beliau diwakilkan oleh Kerajaan untuk menjadi wakil negara ini di Persidangan Ahli-Ahli Parlimen di Bangsa-Bangsa Bersatu, dan

kalibernya terbukti apabila berada di sana pun beliau berpeluang diberikan berucap berkali-kali atas masalah negara dan masalah antarabangsa. Di sini jelas terbukti kemampuan beliau menghidupkan suasana politik 'international' yang jarang dimiliki oleh orang politik di Malaysia ini.

Tahun ini beliau memutuskan untuk bertanding sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO di perhimpunan Agung pada 26 Jun 1981, dengan tekad dan kejujuran untuk terus melipat-gandakan khidmatnya untuk orang ramai. Sebagai satu-satunya, Ahli Parlimen UMNO tunggal di Wilayah Persekutuan, beliau merasakan penyertaannya dalam Majlis Tertinggi adalah perlu supaya beliau dapat mengemukakan masalah penduduk bandar khususnya Wilayah Persekutuan, dengan lebih berkesan lagi. Sementara itu harus kita ingat bahawa kedatangan Haji Idris dalam politik UMNO adalah dari 'grass-root level.'

Sebagai seorang yang kuat berpegang kepada agama, Haji Idris sentiasa bertaqwa dan menyerahkan dirinya kepada kekuasaan Allah s.w.t., tidak pernah ia merasakan panik dengan apa juga masalah yang dihadapinya. Jasanya kepada masyarakat Melayu dan agama Islam tidak payah dipertikaikan. Terlalu banyak yang dikorbankannya bagi kepentingan Melayu, dari khidmatnya sebagai wakil

rakyat sehingga ke duit poketnya sendiri, diharuskannya dirasai bersama oleh orang Melayu. Di sini jelas menampakkan warisan Almarhum Datuknya, Haji Mohd. Said, seorang pengembang agama Islam yang dihormati dan dipercayai sebagai Wali dan Keramat di Negeri Sembilan. Begitu juga Moyangnya Almarhum Jamaluddin yang hingga hari ini masih tersergam Masjid yang dibina dan diwakafkannya di Selatan Thai. Saya rasakan penularan ketertiban dan kemuliaan kedua-dua datuk dan moyangnya hari ini terdapat pada Haji Idris sehingga menjadikan dia seorang yang amat disenangi sebagai pemimpin orang Melayu.

Keluhuran dan keikhlasan Haji Idris dalam memperjuangkan cita-cita bangsa dan agamanya jelas terbukti dengan kegiatan-kegiatan masyarakat yang dinaunginya serta derma baktikan yang dicurahkannya kepada penduduk dan rakyat setempat. Idris Ibrahim menggunakan keseluruhan imbuhannya dan pendapatannya sebagai wakil rakyat untuk dibelanjakan bagi membiayai perjalanan pejabat UMNO, Pejabat PEMADAM, perkakas dan lain-lain peralatan serta lain-lain keperluan pertubuhan ini sehingga ke tahap menggajikan beberapa orang kakitangan untuk menyalurkan derma-bakti dan tugas serta khidmatnya kepada masyarakat di keseluruhan

Wilayah Persekutuan dan negara ini.

Haji Idris Ibrahim adalah Ahli Yang Berhormat atau Wakil Rakyat yang pertama yang bergiat dengan aktiviti anti-dadah. Beliaulah salah seorang yang terlibat mengasaskan Jawatankuasa Anti Dadah. Bermula di Kampong Bharu, kemudian Datuk Keramat, di Wilayah Persekutuan. Atas rasa tanggungjawab yang beginilah kemudiannya baru jasa-jasa Haji Idris dan beberapa orang rakan dan ketua masyarakat di sekitar kawasan itu dapat memberikan sedikit sebanyak kesedaran kepada kerajaan tentang bahayanya Dadah sehingga kerajaan menubuhkan PEMADAM atau Persatuan Mencegah Salah Guna Dadah Malaysia, sementara UMNO pula menubuhkan Unit Anti Dadahnya sendiri di ibu pejabatnya.

Bersama Pak Radhin Supathan, beliau menubuhskan Jawatankuasa PEMADAM Wilayah Persekutuan Masanya, wang ringgitnya banyak digunakan untuk menjadikan PEMADAM Wilayah sebagai contoh bagi negeri-negeri dan negara lain. Sejak ditubuhkan PEMADAM sehinggalah pada tahun 1979 beliau menerajui PEMADAM Wilayah Persekutuan dan Kawasan Parlimen Setapak sehinggalah PEMADAM Setapak diamanahkan kepimpinannya kepada seorang tokoh muda, Taufek Affendi Talib mempengerusikannya. Haji Idris juga adalah Penggerusi PEMADAM

Wilayah merangkap Timbalan Yang Di Pertua PEMADAM Malaysia hingga ke hari ini.

Memperkatakan tentang kegiatan anti dadah, dalam kegiatan menegah salah guna dadah, beliau berkali-kali mewakil Malaysia ke negara-negara lain menghadiri konvensyen dan seminar serta ceramah tentang aspek-aspek pencegahan penyalahgunaan dadah.

Sambil itu, sekarang beliau sedang menunggu siapnya projek 'Camp PEMADAM di Sungai Besi' yang merupakan masterpiece dan brain child Ahli Yang Berhormat ini.

Dalam satu perjumpaan beliau telah menyuarakan "Kita janganlah mementingkan ideologi politik sahaja. Banyak perkara lain yang harus kita fikir dan laksanakan. Tenaga kita adalah perlu untuk meningkatkan Bumiputera dalam pelbagai bidang."

Tidak hairanlah kalau tokoh politik, bekas seorang guru di Sekolah King George V (KGV) Seremban ini, begitu dikasihi oleh golongan yang benar-benar mengasihi dan kepimpinan orang Melayu di sini. Jika tidaklah kerana kualiti kepimpinan, kejujuran dan keikhlasan beliau, tidaklah semudah itu beliau dapat menjadi wakil rakyat di Kawasan Setapak, yang rata-rata penduduknya mobile dan berbilang kaum. Kerana hemahnya jugalah maka Kerajaan dan Barisan Nasional berjaya meletakkan beliau sebagai-bagai satu-satunya

sahaja wakil rakyat keturunan Melayu di Wilayah Persekutuan dan satu antara dua wakil rakyat Melayu dalam bandar di Malaysia. Kawasan Setapak adalah kawasan yang susah untuk ditawan oleh UMNO atau BN jika bukan Haji Idris yang dicalonkan.

Begitu jugalah dengan Penubuhan Persatuan Perubatan Tradisional Melayu Malaysia, beliau juga adalah Penasihat Pertamanya dan dianggap hero oleh segolongan besar bomoh dan dukundukun di negara ini.





Bapa Pemuda  
Daruk Harun Idris



Y. B. Encik Onn Ismail



*"Kemenangan Marina adalah kemenangan saya,"* Kata Y. B. Onn Ismail, semasa mengucapkan tahniah kepada Marina Yusuf.

### Onn Haji Ismail: (Malay Ultra No. 2)

PROFESYEN sebagai guru telah banyak melahirkan pemimpin-pemimpin politik yang berkemampuan di negara ini. Ramai tokoh UMNO yang jadi menteri datangnya dari golongan guru. Perkara pokoknya terpulanglah ke atas kewibawaan orang itu sendiri dalam memainkan peranan dalam parti politik yang digabung. Kesedaran, keinsafan dan matlamat adalah antara beberapa perkara penting yang menjadi garisan perjuangan pemimpin-pemimpin politik.

Meninjau seorang tokoh politik, menilai kepimpinannya tidaklah hanya melalui keburukan dan kebaikan peribadinya sahaja.

Sebaiknya nilaiannya haruslah juga diberikan hasil dari satu kajian mendalam yang benar-benar dapat menempatkan kita seakan-akan berada di tempat beliau sendiri. Ini satu penghayatan yang perlu dalam penilaian, dalam memperkatakan tentang ketokohan seseorang. Seseorang pemimpin muda yang saya kenali agak lama dari segi nama dan perjuangannya telah dapat saya nilaiakan sebagai seorang bakal pemimpin pelapis yang mesti kita berikan pandangan yang wajar dan pertimbangan yang baik kerana kegagalan kita melakukan apa yang wajar dari pemikiran yang rasional mungkin akan menjadikan kita korban kesilapan kita nanti. Dan orang Melayu atau orang UMNO tidak mahu kehilangan tokoh yang diperlukan dalam perjuangan bangsa.

Pernah, oleh kerana kelantangan beliau memperkatakan isu yang sensitif, dengan ketegasan dan keberaniannya, beliau digelar sebagai pemimpin UMNO yang dilabelkan sebagai 'Malay Ultra No.2' kerana kelantangan suaranya ditambah dengan padunya kepimpinan yang terdapat pada dirinya. Maka beliau telah menganggotai Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia selama dua penggal, dari tahun 1974 hingga 1978.

Bekas seorang guru, beliau, Onn Haji Ismail sekarang tidak lagi menjadi Exco PP UMNO Malaysia. Platform untuk beliau berteriak lebih lantang dalam memperjuangkan hak bangsa,

Melayu di peringkat pusat seakan-akan tidak dapat dilakukannya dengan berkesan. Dia bukan lagi Exco Pemuda, dan beliau juga bukan boleh duduk dalam Exco Pemuda lagi. Encik Onn Ismail sudah berumur lebih dari umur yang dihadkan bagi pemuda. Oleh kerana mahukan perjuangannya berterusan ditambah dengan pandangannya yang juga seperti kita mendapati Pergerakan Pemuda UMNO sudah lembab, tiadanya suara lantang seperti zaman Datuk Harun, atau Tan Sri Syed Jaafar Albar dan Syed Nahar, Onn Ismail mengambil keputusan untuk menyertai Majlis Tertinggi. Hasratnya ini diharapkan direstui Allah. Tambahan pula Onn tetap berkeras meneruskan pegangannya supaya UMNO benar-benar menjadi parti yang menguasai kerajaan dan bukannya parti yang dikuasai oleh kerajaan.

Apakah ciri cita-cita perjuangan Onn Ismail akan mendapat tempat di hati perwakilan nanti adalah satu perkara yang mesti dititikberatkan. Ketidak-hadirannya dalam MKT akan menjelaskan sebanyak sedikit kepimpinan politik UMNO juga. Beliau juga adalah juga terdiri dari golongan yang berkemampuan di letakkan sebagai pemimpin di barisan pelapis. Mungkin ramai orang yang tidak mengetahui bahawa kemunculan Onn dalam perjuangan bukanlah baru. Bukan sahaja sejak beliau dipilih jadi ADUN Sementa pada tahun 1974 dan menjadi Exco PP UMNO di tahun yang

sama tetapi perjuangannya telah lama berakar umbi dalam batang tubuhnya. Kelantangan suaranya bukan kerana dia Exco kerajaan Selangor tetapi telah bermula sejak tahun enam puluhan lagi.

Tidak dapat dinafikan bahawa perjuangan beliau telah menampakkan banyak bukti dan kejayaannya. Semasa masih lagi menuntut, beliaulah salah seorang yang bertanggungjawab memperjuangkan Dasar Pelajaran. Dan dengan kegigihan beliau beserta dengan kerjasama kawan lain, pada tahun 1964 tertubuh dan terbentuklah Pusat Bimbingan Pelajar yang dipeloporinya bersama dengan Abdullah Haji Ahmad, kini Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan. Dan bersama Abdullah Haji Ahmad jugalah beliau dapat sama terus menghasilkan lebih banyak, bahkan boleh dikatakan di segenap daerah dalam negeri Selangor telah dibentuk pusat bimbingan pelajar.

Tidak cukup setakat itu perjuangannya untuk meninggikan taraf pelajaran Bumiputera. Kita dapat banggakan juga, dengan kegigihan beliau jugalah hari ini Kesatuan Pelajar-Pelajar Melayu Selangor telah dapat mengadakan sebuah sekolah separuh swasta untuk pelajar-pelajar Melayu di pantai Selangor yang telah dibuka sejak lima tahun lalu.

Sebenarnya dedikasi perjuangan Onn Ismail dalam memperjuangkan hak pelajar-pelajar Melayu sememangnya telah bermula dan men-

jadi pegangannya semasa beliau menjadi orang kuat Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) lagi iaitu di sekitar tahun-tahun enam puluhan.

Kerana perjuangan dan cita-cita murninya jugalah Onn Ismail telah mengambil keputusan dengan mengorbankan masa dan kedudukannya pada tahun 1974 untuk menyertai pilihanraya setelah dipilih oleh Datuk Harun untuk mewakili BN bagi kawasan? Ketika itu Onn adalah seorang guru yang berpendapatan \$1,500.00 sebulan. Di samping menabur baktinya sebagai pensyarah di Kolej Islam Kelang dan pensyarah juga di Pusat Bahasa Universiti Malaya.

Di samping ketabahan beliau dan semangat perjuangannya dalam gerakan pelajar di seluruh semenanjung, beliau juga tidak ketinggalan memperjuangkan hak Bumiputera dalam bidang ekonomi. Atas initiatifnya jugalah telah tertubuhnya Dewan Perniagaan Melayu Pelabuhan Kelang yang sekarang kejayaannya amat disenangi oleh segenap lapisan masyarakat Melayu setempat.

Semasa pergolakan di rumah Datuk Harun, Peristiwa di Langgak Duta, dulu, Onn Ismail telah teruji kepimpinannya. Bukan sahaja kerana sebelumnya dia mampu memperjuangkan bersama hak Melayu ketika bersama Exco Pemuda, tetapi penawanan rumah Datuk Harun membuktikan kepada kita bahawa Onn

Ismaillah yang telah menjadi penyelamat keadaan. Keadaan genting ketika itu amat ditakuti oleh rakyat, bahkan negara dan kerajaan juga, sehingga penawanan itu telah menjadi perhatian seluruh dunia. Tetapi Onn Ismail yang tabah, jujur dengan bangsanya tidak mahu melihat cita-cita bangsanya terkandas. Beliau memainkan peranan memujuk golongan yang menawan rumah Datuk Harun supaya bertenang, supaya bersabar. Onn tidak mahu keselamatan negara terancam seperti juga dia tidak mahu anak-anak buahnya yang berada di rumah Datuk Harun ketika itu teraniaya dan "dibungkus". Lantas dengan sikap tenang, sabar tetapi tegas, beliau berjaya melepaskan Harun dari golongan yang sedang bersemangat ketika itu.

Apakah perjuangan dan jasa Onn Ismail dalam peristiwa tawan Rumah Harun ini boleh dikecikikan? Saya kira hanya masyarakat yang tidak berhati perut dan tidak mengenang budi sahaja yang akan menafikannya.

Rupa-rupanya dalam dia menghadapi ketegangan fikiran, tekanan emosi kerana gurunya, Datuk Harun Idris terpenjara, Onn Ismail mampu juga untuk terus memimpin. Dalam sibuk dan keluh kesahnya dia mampu juga beserta cawangannya memperjuangkan cita-cita Harun yang terus didokongnya. Lantaran ini telah lahir kini UMNO Cawangan Pelabuhan Kelang sebagai cawangan UMNO yang mula-

mula mempunyai bangunan sendiri yang berharga \$1.3 juta, yang kebangkitan bangunan ini bukan sahaja harus dibanggakan oleh masyarakat Melayu setempat dan keseluruhan anggota UMNO malahan pengasasnya, Onn Ismail patut diberikan penghargaan oleh pucuk pimpinan parti dan ahli-ahli UMNO sendiri, kerana atas initiatif beliaulah sejarah dalam membangunkan lambang kemegahan parti-parti politik sekarang ini telah ditempa.

'Bagi saya, saya akan terus memperjuangkan cita-cita politik Melayu, dalam masalah ini saya akan terus berjuang menegakkan kebenaran Datuk Harun yang saya percaya telah teraniaya dan dalam kontek ini juga saya akan berada terus dengan Datuk Harun walau dalam keadaan dan ketika yang macam mana sekali pun.' Tegas Encik Onn Ismail kepada saya ketika saya menemuinya di sebuah kedai makan Melayu baru-baru ini. Ini membuatkan saya akur dengan kegigihan dan ketabahan serta kejujuran beliau memperjuangkan cita-cita ketuanya.

Dalam kontek ini, kejayaan pimpinan Onn Ismail adalah bergantung kepada sokongan dan bantuan semua ahli UMNO. Jika mereka tidak mahu kehilangan suara lantang dalam politik, atau jika orang UMNO tidak mahu hilang seorang pemimpin yang tegas, jujur dan berdidikasi, mereka haruslah mempersoalkan tempat Onn Ismail dalam parti. Hari ini Onn Ismail tidak akan berpeluang lagi dalam Exco

Pemuda, tempat yang layak bagi beliau ialah di dalam MKT itu sendiri. Biarlah beliau dapat terus menyuarakan pendapat dan pandangan-nya dengan lebih berkesan lagi kerana beliau bukannya ahli politik UMNO yang berada dalam kabinet. Dan tentunya kerana dia bukan orang kabinet, dapatlah dia menekankan terus perjuangan supaya parti menguasai kerajaan. Kalau dia jadi menteri kabinet, dia kena bikin dasar kementerian, dan bila bikin dasar tak kan dia mahu jadi macam tokoh pemuda dalam kabinet, buat dasar kementerian, bercanggah dengan kehendak parti. Akhirnya untuk mengubah dasar sudah tidak boleh, kementerian dan jabatan yang dinaunginya sudah mengimplementasikan dasar yang dibuat, akhirnya bila sudah wujud tokoh-tokoh seperti pemimpin pemuda yang sudah jadi menteri maka timbulah sistem kerajaan yang menguasai parti.

Apakah Onn Ismail akan mendapat tempat dalam MKT nanti, kita serahkan kepada Allah Swt. Hanya dengan limpah kurniaNya sahaja yang akan mempastikan kemenangan Onn yang mana akan memberikan sebanyak mungkin munafaat dalam mempertinggikan lagi imej perjuangan politik UMNO dari barisan pelapis. Amin!





Y.B. Datuk Abdullah Ahmad (Badwi)

## Perhimpunan Menguji Ahli-Ahli UMNO

PERHIMPUNAN Agung UMNO ke 32 dipercayainya sebagai satu ujian yang besar kepada seluruh ahli-ahli UMNO. "Di sinilah akan timbulnya pengujian politik kewibawaan ahli UMNO dan pengukuhan parti. Dalam perkara ini setiap ahli UMNO harus meneliti dan cermat dalam membuat pilihan terhadap pemimpin mereka." Begitulah pendapat beliau yang harus dipandang berat oleh setiap ahli perwakilan UMNO dan seterusnya setiap ahli UMNO itu sendiri.

Sambil itu Datuk Abdullah Haji Ahmad juga pernah satu ketika merenung sejenak kearah kepimpinan gulungan muda yang banyak diketengahkan hari ini untuk bertanding menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO.

Dalam tenang beliau menyuarakan "Kebangkitan gulungan muda dalam politik UMNO hari ini amat menggalakkan. Ini

adalah merupakan satu pertanda baik dan tentunya penglibatan mereka untuk bertanding menampakkan kepada kita tentang adanya sokongan, kalau tidak mereka tidak mahu bertanding."

Dalam perbualan singkat dengan beliau pun kita tidak akan merasa puas dengan penerangan dan buah fikiran beliau yang diperkatakannya. Kita dapat merasakan bahawa walau pun dalam masa yang singkat dapat kita ukur kemampuan pimpinan dan kematangan politik Abdullah Haji Ahmad.

Dalam seriusnya beliau akan menyelitkan beberapa contoh sambil akan dikuatkannya pula hujjah dan pandangan politiknya yang banyak berlandaskan hadith dan Al Quran sehingga seakan-akan terasa kepada kita bahawa kita telah berhadapan dengan seorang pemimpin politik yang bertaraf 'Imam'.

Kecerdasan dan kematangan serta kebolehannya memimpin adalah satu perkara yang patut dibanggakan oleh ahli UMNO keseluruhannya. Apakah ianya merupakan warisan terus yang dipesakainya dari Allahyarham ayahnya, hanya Allah sahaja yang maha mengetahui. Yang kita tahu beliau dapat menghidupkan semangat perjuangan politik yang dinamik dan progresif.

Allahyarham Haji Ahmad Badwi, bapanya, pernah menjadi Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO ketika Tun Haji Sardun Zubir menjadi ketuanya. Memang sewajarnyalah 'Kuah tumpah ke nasi.' Beginilah

analisa yang tidak harus kita ketepikan tentang ketokohan dan kewibawaan politik Abdullah Ahmad.

Tidak hairanlah kita kalau Abdullah Ahmad terusan menganggap dan menegakkan prinsipnya dalam politik UMNO yang dianggapnya merupakan faktor ‘dominant’ yang boleh mencorakkan sebarang keadaan. Dan kerana melalui politik jugalah difikir-kannya dapat disalurkannya derma baktinya dan khidmatnya dengan lebih berkesan.

Kemiripan perwatakannya seperti aruah ayahnya juga banyak menanamkan semangat perjuangan yang gigih kedalam hidup Abdullah Ahmad. Kepada Allahyarham ayahnyalah Abdullah banyak terhutang budi kerana itulah gurunya, dalam politik yang telah banyak mengasuh dan mendidik beliau disamping menjadi ayah yang kasihkan anaknya.

Abdullah Haji Ahmad, kini adalah Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan disamping menjalankan tugasnya sebagai wakil rakyat Kepala Batas, Pulau Pinang. Mungkin kerana semangat perjuangannya itulah yang telah menempatkannya kejawatan Timbalan Menteri di Wilayah Persekutuan yang sentiasa sibuk dihujani dengan masaalah-masaalah orang Melayu di Bandaraya ini.

Dengan sikap tegas dan jarang bercakap, jelas memperlihatkan bahwa beliau lebih banyak berbuat kerja dari bercakap banyak. Sejak menjadi Setiausaha Parlimen di Kemen-

terian yang sama lagi beliau sentiasa terdedah dengan masaalah setinggan, masaalah perumahan, masaalah tempat niaga orang Melayu di Kuala Lumpur disamping menghadapi cabaran hebat masaalah Melayu Pulau Pinang di mana beliau adalah Ketua perhubungan UMNO negeri itu.

Abdullah bukanlah orang baru dalam politik UMNO. Pengurusan untuk kepentingan politik UMNO itu sudah banyak dicurahkannya. Setelah menerima ijazah dari Universiti Malaya dalam Pengajian Islam, beliau telah berkhidmat dengan Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan.

Pernah beliau memegang jawatan Pengarah dan Timbalan Ketua Setiausaha. Dan mungkin kerana kepimpinan yang pernah ditonjolkan dan dibuktikannya semasa bekerja dan semasa menuntut lagi di Universiti lagi, menjadikan beliau terlantik sebagai Penolong Setiausaha semasa penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dahulu.

Sebelum menyertai UMNO pada tahun 1964, sebelumnya beliau juga telah membuktikan kemampuan dan kejujuran beliau dalam memperjuangkan hak bangsa Melayu, walau pun bukan melalui politik UMNO tetapi melalui persatuan yang dianggotainya ketika masih menjadi pelajar.

Bagi tempuh dari 1962-1964, Abdullah Ahmadlah yang menjadi Presiden GPMS, iaitu Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semennanjung yang banyak menitik beratkan

tentang masaalah pelajar-pelajar Melayu di samping beberapa perkara pokok yang perlu dilibatkan oleh pelajar dan pencinta kebudayaan dan bahasa Melayu.

Oleh kerana merasakan perlunya dia terus berkhidmat sehingga ke grass-root level, Abdullah melepaskan jawatannya di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan menyertai UMNO. 1978, beliau menang pilihanraya Kepala Batas. Kematangan politiknya kemudiannya telah memberikan kepercayaan kepada pucuk pimpinan sehingga beliau dilantik menjadi SU Parlimen dan kemudiannya Timbalan Menteri sehinggalah kehari ini.

Bagi Abdullah telah ujud lama dalam UMNO proses politik yang dinamik, proses politik ‘Patah tumbuh hilang berganti’ dan mungkin atas kesedaran ini di samping mahu menyalurkan terus khidmatnya, menaburkan sumbangannya dengan lebih berkesan lagi bagi kepentingan orang Melayu, parti dan negara.

Kepercayaan kepada dirinya disertai dengan taqwanya kepada yang Maha Esa juga memainkan peranan penting dalam menyebabkan Abdullah menyertai pertandingan merebut jawatan dalam MKT nanti, walau pun beliau sekarang ini pun adalah merupakan ahli MKT yang mendapat tempat dihati pemimpin atasan sehingga melayakkan beliau dilantik sebagai ahli MKT dahulu.

Menyentuh tentang mewujudkan pemimpin

Pelapis dalam UMNO, beliau pernah menyatakan bahawa pemimpin pelapis tidak perlu diujudkan secara formal kerana kesediaan bagi gulungan pelapis ini untuk menghadapi perubahan masih belum dapat dibuktikan dan jika ini berlaku akibatnya akan menimbulkan banyak masalah pula.

Tetapi yang penting dalam politik UMNO sekarang ialah untuk memberikan peluang kepada pemimpin muda untuk memimpin dipelbagai peringkat mengikut kemampuan, sesuai dengan kematangan mereka sendiri.

Sebagai kaum minoriti di Pulau Pinang, Abdullah Haji Ahmad pernah juga menyebut bahawa masalah Melayu di sana hanya boleh diselesaikan sekiranya UMNO menjadi gulungan majoriti disertai dengan perjuangan hakiki yang penuh semangat yang kukuh, dedikasi dan bersatu padu.

Bagi mengatasi masalah Melayu di sini juga Abdullah telah sama-sama berjaya menggubal, pada dasarnya satu rancangan dalam mana satu penajaan Koperasi Gabungan Pulau Pinang baru-baru ini yang lebih menitik beratkan antara lain kepentingan ekonomi dan politik Melayu Pulau Pinang sendiri di samping penuhuhan Yayasan Pulau Pinang yang akan menumpukan aktivitinya terhadap perusahaan, perniagaan dan perumahan Melayu di Pulau Pinang.

Muga-muga dengan adanya sikap seorang pemimpin seperti tokoh muda ini akan terbelalah nasib orang-orang Melayu dinegerinya

disamping orang Melayu dinegara ini keseluruhannya, dan biarlah beliau akan menjadi seorang Imam sepetimana pernah dilakukan oleh Saidina Omar Al Khatab dahulu. Alhamdulillah.

Abdullah Haji Ahmad yang dilahirkan pada tanggal 26 November 1939, adalah bekas penuntut sekolah Arab Dairatul Maarif Al-Wataniah, sebuah sekolah yang diasaskan oleh nenda beliau sendiri Almarhum Haji Abdullah Fahim, bekas Mufti Pulau Pinang. Dari sini beliau kemudiannya memasuki sekolah Melayu, lantas ke Special Malay Class yang kemudian melayakkan beliau ke Kolej Melayu, Kuala Kangsar.

Walau pun Abdullah Ahmad adalah bekas seorang pelajar Melayu yang terbaik dalam mata pelajaran Sains semasa sekolah dahulu, tetapi oleh kerana kehidupannya yang suka bergaul dan berkawan menjadikan beliau menolak tawaran untuk mengambil jurusan Sains ketika di universiti. Sebaliknya, beliau mengambil jurusan lain yang rasa beliau akan lebih mendekatkan beliau dengan orang ramai di samping beliau meneruskan minatnya untuk hidup secara berpersatuan.

Bagi (Che Lah) Dollah Ahmad dengan hidup secara berpersatuan, seseorang itu dapat berkawan, bekerjasama dan bertolak ansur, dalam segala segi, di samping dapat sama belajar dan bertukar-tukar pendapat. Sambil

itu setiap mereka dapat belajar mengendalikan sesuatu rancangan dan kemudian belajar cara memimpin dan di sinilah biasanya akan dapat diwujudkan *leadership quality* yang diperlukan.

Sambil itu beliau juga banyak menitikberatkan tentang perlunya pelajaran dalam hidup kita. Bagi Dollah Ahmad rajin belajar adalah merupakan kunci segala kejayaan. Kalau kita analisa memang terdapat kebenaran dalam kata-kata beliau ini. Memang ramai antara kita yang dilahirkan bijak, tetapi banyak pula yang gagal kerana tidak adanya kerajinan dan ketekunan untuk belajar.

Sambil itu Abdullah Ahmad jika kita perinci cara pandangan, pertuturan dan pergaulannya dapat kita rumuskan bahawa beliau akan sentiasa disenangi oleh masyarakat walau di mana sekali pun beliau diletakkan. Pernah satu ketika beliau menyatakan dan menyarankan kepada kaum ibu dan bapa, di satu majlis perjumpaan, betapa pentingnya ibu-bapa mengasuh dan mendidik anak-anak mereka dalam pelajaran, tetapi beliau juga mengingatkan mereka agar mereka juga menitik-beratkan pengetahuan agama yang kuat kepada anak-anak mereka. Jelas kepada kita bahawa Abdullah Ahmad terus berkeyakinan bahawa hanya agama sahajalah yang menjamin kekuahan dan kebahagiaan dalam hidup. Semen-tara itu adalah juga menjadi satu perkara

penting bagi setiap yang hidup itu menghormati orang yang tertua darinya, dan antara sama sendiri perlulah sikap hormat-menghormati ini diwujudkan di samping kita juga terus hidup seperti aur dengan tebing, tolong menolong antara satu dengan lain. Berimanlah kepada Allah. Inilah antara asas penting yang menjadi pegangan hidup Abdullah Haji Ahmad.



## WANG

*Dia sudah tidak bisa melihat lagi  
mata dan hatinya sudah tertutup rapi*

*dia sudah tidak bisa mendengar lagi  
telinga dan jiwanya telah dibikin tuli*

*dia sudah tidak bisa bersuara lagi  
tekak dan lidahnya telah dibikin sepi*

*wang  
merahnya cuma pada warna  
dan bila ribut melanda  
angin malam menerjang  
dan embun kering di subuh jun  
bekunya hingga ke siang*

*S. H. Alattas,  
Kamar Jehad,  
Istana Kumbang,  
Kuala Lumpur.  
Ihb. Shaban 1401.*

# Ramalan Pak Belalang

## RAZALEIGH LAWAN MUSA

SYAHADAN, maka berkatalah Nujun Pak Belalang kepada pahlawan-pahlawan dan pendekar-pendekar yang bertarung di medan perang, atau bertarung merebut sesuatu jawatan seperti yang dihadapi oleh Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam.

Setelah mengkaji dengan ilmu falak dan ilmu perprangan, maka Pak Belalang meramalkan:

- Dalam menghadapi "musuh", langkah pertama penting. Pahlawan ke medan perang mesti yakin penuh pada dirinya akan menang, baru boleh diharap kemenangan. Kalau ragu-ragu dari mula-mula lagi alamatnya tidak baik. Datuk Musa dengan mengemukakan DUA KERTAS CALON, satu kesilapan besar mengikut petua, kerana akhirnya satu ditarik balik. Ini membayangkan rasa was-was beliau.

- Orang yang seronok berlebahan sebelum menghadapi "musuh", biasanya alamat tidak baik.

- Apabila timbul satu-satu tantangan terhadapnya dan dibela oleh orang lain secara terlatah pula, akibatnya buruk.

- Apabila penyokong-penyokong hilang pertimbangan rational dan tenggelam punca dengan mengeluarkan perkataan-perkataan seperti "kafir", "bintang" dan sebagainya menunjukkan mereka sudah naik kelam kabut. Pasukan yang kelam kabut biasanya tidak mungkin mencapai kemenangan.

- Nasihat Pak Belalang kepada Tengku Razaleigh ialah supaya terus berjuang. Jangan gentar. Sekali mengorak langkah, yakin kepada perjuangan. Kemenanganlah bagi mereka yang yakin pada perjuangan. Jangan ragu-ragu, jangan gelisah. Berjuang terus hingga mencapai kejayaan, Inshaallah.

- Sebagai hamba, saya juga turut berdoa kepada Allah semoga Allah memberi kemenangan kepada Tengku Razaleigh.

## WATAN. SELESA JULAI 1981.



### PAK BELALANG mahu bersihkan namanya

KUALA LUMPUR:: Penulis buku yang kontroversi, S.H. Alattas menyatakan dukacitanya kerana ada pihak cuba sabotaj nama penannya 'Pak Belalang.'

Katanya nama itu telah digunakan sejak tahun 1963 lagi. Ketika itu beliau menjadi penulis ruanan sebuah majalah hijburan.

Di antara nama pena dipakainya ialah Nujum Pak Belalang, Pak Belalang Moden dan Pak Belalang.

Katanya setiap buku ditulisnya menggunakan

nama-nama itu malah orang lebih kenal dirinya dengan nama Pak Belalang atau Nujum Pak Belalang dari nama sebenarnya Sved Husslein Al Attas.

Beliau menyatakan demikian ketika mengulas sebuah berita dalam akhbar ini keluaran 26 Jun lalu yang memuatkan "Ramalan Pak Belalang".

Ramalan itu meleset kerana penulisnya lebih berat kepada Tengku Razaleigh Hamzah dari Datuk Musa Hitam.

Kedua-duanya calon Timbalan Presiden UMNO ketika itu,

S.H. Alattas berkata, sejak tulisan itu keluar beliau dihujani dengan berbagai-bagai tomohan dan beliau terpaksa menafikan bahawa tulisan itu bukan darinya.

"Saya juga mengeluarkan buku sempena pertandingan Tembalan Presiden UMNO itu atas tajuk "Siapa Selepas Musa"

Buku itu juga, katanya, membuat fokus atas siapa yang akan menang dan orang-orang selepas Datuk Musa. Fokus itu betul, bila Datuk Musa diumumkan menang dengan majoriti 205 undi.

Beliau juga memberitahu, kebanyakannya ramalannya mengenai tokoh-tokoh politik negara ini, insyallah belum lagi mele-

set sebelum ini.

"Tetapi bila ada orang menggunakan nama "Ramalan Pak Belalang" dan ramalan itu pula meleset, saya amat terharu dan banyak yang menuduh saya.

"Saya harap penulis berkenaan itu akan muncul dan memberikan nama sebenarnya untuk mengelakkan dari kekeliruan pembaca," katanya.

S.H. Alattas juga berharap dengan kenyataan ini kekeliruan mengenai nama penanya dengan tulisan tersiar di dalam akhbar ini 26 Jun lalu tidak timbul lagi.



*"Can I fire you". Orang nak merokok tentu memerlukan api. Jangan main api. Ghaffar takut dia di tengah yang terbakar nanti. Orang politik mana boleh takut api?*



*"You nak cakap apa cakaplah! Kementerian Kewangan jangan kasi orang lain sudah. I tahu ramai*

20 DEC 1989



*"Syabas Datuk". Kami tahu you sudah menang. Bukan senang nak dapat undi sebanyak itu. Itu kerusi Vice President kalau sudah ditakdirkan you yang punya, tiga tahun lagi you akan duduk di situ." Begitulah antara kata seorang teman seperjuangan kepada Datuk Rais Yatim, semasa mengucap tahniah kepadanya.*



*Yang menang tentulah gembira. Yang kalah pun kelihatan suka juga. Adat bertanding ada menang ada kalahnya. Tengku Razali Hamzah dengan Azman Atar, Datin Maznah, Marina Yusuf dan Datuk Rais Yatim*

